

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

ENCIK SUHAIMI MAGI

PENSYARAH DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM TARIAN PIRING

NAMA PELAJAR SITI NAZIRA ROSLI

(2020980847)

NAMA PELAJAR NURUL FATEN ADILA ABD AZIZ

(2020971133)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC-JULAI 2021

TABLE OF CONTENTS / ISI KANDUNGAN

	Isi Kandungan	M/S
<i>Roman</i>	Abstrak	I - VI
<i>Numerals</i>	Penghargaan	
	Senarai Abreviasi	
	Senarai Singkatan	
	Rujukan Kata	
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1 - 2
2.0	Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan kepada tokoh	3
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	4 - 5
4.0	Kajian Literatur 4.1 Topik 1 4.2 Topik 2	6 - 9
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	10 - 49
6.0	Log Temubual	50 - 60
7.0	Ralat	61
8.0	Glosari	62 - 64
9.0	Indeks	65 - 70
10.0	Bibliografi	71 - 74

11.0	Lampiran	75 - 88
	11.1 Biografi Tokoh	
	11.2 Surat Perjanjian	
	11.3 Senarai Soalan	
	11.4 Diari Penyelidikan	
	11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	

ROMAN NUMERALS

Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang masih mewarisi satu seni kebudayaan iaitu Suhaimi Magi. Ramai dalam kalangan masyarakat pada masa kini, terutamanya generasi yang baru dalam era ini tidak mengetahui secara langsung tentang kewujudan seni kebudayaan yang unik ini yang merupakan salah satu tarian tradisi iaitu Tarian Piring. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang salah satunya tokoh yang masih mewarisi kesenian ini, projek sejarah lisan ini akan membincangkan tentang Tarian Piring yang begitu unik berasal dari Minangkabau. Bermula dari sejarah tentang seni Suhaimi Magi tersebut, kajian ini turut memfokuskan secara menyeluruh tentang penglibatan tokoh dalam bidang seni ini, pencapaian beliau, kriteria penari-penari, kostum yang digunakan, koreografi tarian piring, muzik yang digunakan, sumbangan beliau, harapan serta isu-isu yang berkaitan dengan Tarian Piring itu. Kajian ini bukan sahaja melalui Encik suhaimi Magi sendiri, malah ianya juga turut diperolehi dari beberapa sumber yang lain bagi melihat sejauh mana persamaan dan perbezaan dalam kajian yang telah dilakukan. Implikasi kajian ini adalah terutama kepada pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa sekarang akan mengenali dengan lebih lanjut dan mendalam tentang seni Tarian Piring ini.

KATA KUNCI

Sejarah lisan, Temubual, Tarian Piring, Seni Kebudayaan, Koreografer.

ABSTRACT

This transcript discusses the experience of a figure who still inherited a cultural art, namely Suhaimi Magi. Many in today's society, especially the new generation in this era do not know directly about the existence of this unique cultural art which is one of the traditional dances which is 'Tarian Piring'. In addition not only discusses on the background of one of the figures who still inherited this art, this oral history project also will discuss about the 'Tarian Piring' which is so unique from Minangkabau. Starting from the history of the art of Suhaimi Magi, this study also focuses comprehensively on the involvement of figures in this field of art, his achievements, criteria of dancers, costumes used, choreography of 'Tarian Piring', music used, his contributions, hopes and issues related to the dance. This study is not only through Mr. Suhaimi Magi himself, but it is also obtained from several other sources to see the extent of similarities and differences in the study that has been done. The implications of this study are mainly to researchers, students and the general public. Through this oral history project as well, it is hoped that the outside community, especially the current generation will know more and more deeply about the art of this 'Tarian Piring'.

KEYWORDS

Oral History, Interviews, Tarian Piring, Cultural Arts, Choreographers.

PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, dapat kami menyiapkan transkrip ini dengan jayanya. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah subjek ini iaitu Puan Siti Noorsiah Jamaludin yang telah banyak memberi tunjuk ajar dari mulanya kami diberikan topik sehingga saat-saat akhir dalam menyiapkan tugas ini. Kami mengucapkan terima kasih kerana memberi penerangan yang sangat jelas dan mudah difahami sepanjang menyiapkan tugas ini. Tambahan, kami juga berterima kasih kepada puan kerana memberi kepercayaan sepenuhnya kepada kami untuk menjalankan tugas ini sehingga jayanya.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa kami yang telah menyokong sepenuhnya kami sepanjang menyiapkan tugas ini lebih-lebih lagi semasa keadaan pandemik Covid-19 ini. Mereka telah memberi sokongan serta wang ringgit dalam menyempurnakan tugas ini. Tanpa sokongan dan dorongan daripada mereka, kami tidak akan dapat menghasilkan tugas ini dengan sempurna, lengkap seperti rakan-rakan lain. Jutaan terima kasih juga kami ucapkan kepada rakan-rakan yang sering membantu dan bertungkus-lumus bersama-sama dalam menyiapkan tugas ini dan bertukar-tukar idea yang bernas untuk kami menyiapkan tugas ini.

Akhir sekali, kami berharap daripada tugas yang diberi oleh pensyarah kami ini, akan dapat menambahkan ilmu pengetahuan kami lagi dalam penulisan sejarah lisan. Selain itu, dengan penulisan sejarah lisan ini, dapat membantu masyarakat dalam menambah ilmu pengetahuan tentang Tarian Piring ini yang merupakan salah satu tarian tradisional yang popular di Malaysia. Semoga ilmu yang kami peroleh ini dapat dikembangkan pada masa akan datang.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
ASWARA	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
JKKN	Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara
KBN	Kompleks Budaya Negara
KL	Kuala Lumpur
KLPAC	Kuala Lumpur Performing Arts Centre
Master	Ijazah Sarjana
NGO	Non-Governmental Organization
UMS	Universiti Malaysia Sabah

SENARAI SINGKATAN

SNR : Siti Nazira Rosli

NFAAA : Nurul Faten Adila Abd Aziz

SM : Suhaimi Magi

RUJUKAN KATA

Aja	Sahaja
Ajar	Mengajar
Bagikan	Bahagikan
Bawak	Bawak
Betul-betulnya	Sebetulnya
Biasanya	Kebiasaannya
Dah	Sudah
Dekat	Di
Diorang	Mereka
Eh	Ya
Je	Sahaja
Ka/Ke	Atau
Kan	Betul
Lah	Ya
Lepastu	Seterusnya
Macam mana	Bagaimana
Mesti	Semestinya
Ni	Ini
Pasal	Tentang
Saja	Sahaja
Tak	Tidak
Takde	Tiada
Tapi	Tetapi
Tari	Tarian
Taruk	Letak
Tu	Itu

1.0

**BIODATA
PENEMUBUAL**

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 PENEMUBUAL PERTAMA



Nama :	Siti Nazira Rosli
Tarikh Lahir :	23 September 1999
Tempat Lahir :	Hospital Besar, Melaka
Alamat :	Bukit Piatu, Melaka
No Telefon :	01110544039
Emel :	sitinazira239@gmail.com
Program :	Pengurusan Rekod (IM246)

1.2 PENEMUBUAL KEDUA



Nama :	Nurul Faten Adila Abd Aziz
Tarikh Lahir :	19 Julai 1999
Tempat Lahir :	Hospital Besar Seremban, Negeri Sembilan
Alamat :	Seremban, Negeri Sembilan
No Telefon :	0136177045
Emel :	nurulfatenadila13@gmail.com
Program :	Pengurusan Rekod (IM246)

2.0

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 BIODATA TOKOH

Nama penuh beliau ialah Suhaimi bin Magi yang berumur 64 tahun dan dilahirkan pada 18 Julai 1957 di Kampung Angan-Angan, Tenom, Sabah. Beliau berketurunan Jawa Banjar dan sekarang menetap di Kota Kinabalu bersama isteri beliau yang bernama Dini Kusumaningrum yang berketurunan Indonesia serta enam orang anak beliau. Bapa Suhaimi Magi bernama Magi bin Harno yang bekerja petani dan telah pun meninggal dunia dan berkahwin dengan ibu Suhaimi Magi yang juga berketurunan Banjar tetapi lahir di Sabah. Mereka dikurniakan lapan orang anak tetapi sekarang hanya lima orang sahaja yang masih hidup. Suhaimi Magi ialah anak kedua yang mempunyai seorang kakak, seorang adik lelaki dan dua orang adik perempuan. Antara adik beradik Suhaimi Magi, hanya beliau sahaja yang melibatkan diri dalam bidang seni kebudayaan dan beberapa orang anak serta cucu beliau juga mengikut jejak langkah beliau dalam bidang ini.

2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Suhaimi Magi mula mengenali tarian piring pada tahun 1979 dan sewaktu kecil, beliau menyatakan bahawa beliau tidak pernah mengenal tarian piring ini. Beliau hidup dalam perkampungan keluarga Jawa Banjar yang mementingkan budaya sehingga beliau fasih dalam berbahasa Banjar. Kenangan waktu kanak-kanak Suhaimi Magi dipenuhi oleh pengaruh budaya Banjar yang mempunyai berbagai kesenian seperti berdendang iaitu berjoget. Beliau jug pernah bermain drum dan tambo sewaktu kecil. Sewaktu beliau berumur sepuluh tahun, beliau mula melibatkan diri dalam pencak silat sebagai satu hiburan sehingga beliau diajak untuk melakukan persembahan silat dan sejak itu mulalah perkenalan Suhaimi Magi dan persembahan kesenian. Beliau mempunyai satu guru yang berasal dari Semenanjung Malaysia yang mengajarkan beliau tarian zapin dan beliau mula berminat dengan seni tarian kerana bagi beliau pencak silat dan tarian adalah sesuatu yang sama. Setelah berhijrah dari Kota Kinabalu, beliau mula belajar pelbagai tarian bukan sahaja dari Sabah tapi juga tarian-tarian terkenal Semenanjung. Setelah menjadi penari tetap, melalui Kompleks Pemuda Negara, beliau berjaya melanjutkan pelajaran dalam bidang seni sehingga ke Indonesia selama lapan tahun. Guru pertama beliau yang mengajarkan beliau dalam tarian piring ialah Ibu Sofyani Yusaf. Kini, beliau ialah seorang pensyarah serta koreografer yang aktif dalam persembahan dan telah pun mewakili Malaysia dalam pelbagai pertandingan yang diadakan di luar negara.

3.0

SEJARAH LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 PENGENALAN

Sejarah Lisan boleh didefinisikan sebagai bidang pengajian dan kaedah dalam mengumpulkan, memelihara dan menafsirkan suara dan kenangan orang, masyarakat dan peserta berkaitan peristiwa yang berlaku pada masa lalu (Universiti Malaya, 2021). Ia juga ialah kenangan-kenangan seseorang tokoh yang dapat menyumbang maklumat bersejarah berkaitan penglibatan atau pengalaman mereka yang berhubung secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa yang terjadi dan informasi tersebut dirakamkan melalui wawancara (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007). Kaedah ini digunakan oleh seseorang sejarawan sejarah untuk mendapatkan maklumat sejarah melalui sumber lisan dan proses penyampaian, penyimpanan serta pengabdian tradisi bergantung kepada kekuatan ingatan beberapa generasi manusia mengenai sejarah yang berlaku (Nur Shima, 2019). Sejarah lisan ini boleh dijalankan ke atas tokoh-tokoh yang masih hidup atau pun yang telah meninggal seperti Tun Hussein Onn dan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj tetapi ia memerlukan seseorang sebagai wakil yang berada di tempat kejadian untuk menceritakan apa yang berlaku pada waktu itu contohnya orang paling rapat seperti ahli keluarga dan kenalan rapat mereka (Siti Roudhah Mohammad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar & Noor Azlinda Wan Jan, 2012).

3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN

Objektif kajian sejarah lisan yang pertama adalah untuk mengumpulkan memori-memori dan pengalaman personal orang sumber yang telah terlibat dalam sesuatu isu yang terjadi pada zaman dahulu demi menambahkan maklumat-maklumat sejarah di sesuatu negara (Hazman Azhar, 2013). Selain itu, sejarah lisan merupakan satu bidang kajian yang amat luas dan ia meliputi pelbagai golongan masyarakat yang membolehkan para penyelidik menimba pengalaman baru, melihat sejarah daripada aspek yang pelbagai serta mengenali lebih banyak personaliti manusia (Siti Roudhah Mohammad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar & Noor Azlinda Wan Jan, 2012). Akhir sekali, kajian sejarah lisan ini dilakukan untuk memberi generasi baru maklumat mengenai perkara yang berlaku melalui kaca mata orang yang mengalami dan menyaksikan peristiwa tersebut supaya mereka dapat mengenali serta mengetahui apa yang terjadi pada zaman dahulu (Nur Shima, 2019).

3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Sejarah lisan dibuat bukanlah hanya sekadar untuk memenuhi tugas kerja yang diberi oleh pensyarah atau sekadar menulis tanpa sebarang fungsi dan kepentingannya tersendiri kepada individual, masyarakat dan juga negara. Hal ini kerana, sejarah lisan itu akan menjadi sumber rujukan kepada para sejarawan dan dengan itu sejarah lisan dapat memberi banyak kepentingan pada zaman kini (Lin, 2020).

Kepentingan sejarah lisan yang pertama ialah sejarah lisan dapat memajukan penulisan sejarah Malaysia supaya semua sejarah atau peristiwa yang berlaku tidak dilupakan kerana setiap sejarah itu merangkumi cerita dan peristiwa yang melibatkan rakyat biasa. (Pusat Kajian Lisan, 2007). Pernyataan ini turut disokong oleh Lin (2020) yang mengatakan bahawa penulisan sejarah lisan ini menjadi sumber sejarah bagi sesebuah negara dan sekali gus membantu para sejarawan dalam mengkaji sejarah yang ada dengan lebih dalam lagi.

Selain itu, kepentingan kajian sejarah lisan dari segi masyarakat pula boleh membawa dan memperkenalkan sejarah dari luar ke dalam sesuatu masyarakat dengan memberi informasi baru untuk orang ramai tentang sesuatu sejarah yang berlaku pada zaman dahulu dan sesungguhnya hal ini akan membuka ruang kepada perubahan dalam pengertian sosial terhadap sejarah. (Lin, 2020). Menurut Nur Shima (2019) juga menyatakan bahawa sejarah lisan ini dapat memperkenalkan sejarah dari luar kedalam sesuatu masyarakat atau sebaliknya kerana apabila orang yang ditemubual itu memberi pandangan baharu tentang peristiwa bersejarah, hal ini dapat memberi semangat kepada masyarakat untuk lebih menyedari sejarah mereka sendiri dan meransang minda dan penyelidikan tentang sejarah tempatan.

Akhir sekali, sejarah lisan juga amat penting untuk menyelamatkan segala keterangan-keterangan sejarah dan mengisi segala kekosongan yang terdapat dalam sumber-sumber bertulis bagi menggantikan rekod rekod yang telah hilang atau hapus dengan mendorong para penyelidik membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang telah disediakan dengan sumber-sumber lisan. (Siti Roudhah Mohammad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar & Noor Azlinda Wan Jan, 2012).

4.0
KAJIAN
LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 TOPIK 1

Menurut Sofyan Hadi (2015), pengertian seni secara umum adalah segala sesuatu yang dibuat manusia yang memiliki unsur keindahan yang mampu membangkitkan perasaan orang lain. Pengertian seni juga boleh didefinisikan sebagai suatu ekspresi perasaan manusia yang memiliki unsur keindahan di dalamnya dan diungkapkan melalui suatu media yang sifatnya nyata, sama ada dalam bentuk nada, rupa, gerak dan syair serta dapat dirasakan oleh pacaindera Manusia (Prawiro, 2020). Melalui penulisan artikel Zaenuddin (2020), terdapat dua tokoh yang memberi maksud seni iaitu tokoh yang pertama ialah Aristoteles memberi pengertian seni adalah bentuk yang penampilannya serta pengungkapannya tidak pernah menyimpang dari kenyataan atau dengan kata lain, seni adalah meniru alam manakala tokoh kedua ialah Ki Hajar Dewantara memberi maksud seni sebagai hasil keindahan sehingga boleh menggerakkan perasaan indah kepada orang yang melihatnya. Pengertian budaya pula ialah cara hidup yang berkembang dan dimiliki oleh sekelompok orang dan diwariskan turun-temurun untuk generasi ke generasi yang mempunyai unsur yang rumit seperti sistem agama dan politik, bahasa, adat istiadat, bangunan, alat, pakaian dan karya seni (Dosen Pendidikan, 2021). Menurut Koziol (2021) pula, beliau juga memberi definisi budaya sebagai suatu cara hidup sekelompok manusia yang berkembang kemudian diwariskan secara turun-temurun. Pengertian budaya atau kebudayaan ini juga disokong oleh tokoh Andreas Eppink yang memberi maksud kebudayaan merupakan suatu bentuk dari keseluruhan pengertian nilai sosial, norma sosial, ilmu pengetahuan dan keseluruhan struktur-struktur agama dan sosial manakala tokoh kedua, E.B. Taylor memberi maksud budaya sebagai suatu keseluruhan yang kompleks meliputi kepercayaan, kesusilaan, seni, adat istiadat, hukum, kesanggupan dan kebiasaan lainnya yang sering dipelajari oleh manusia sebagai bahagian dari masyarakat (Aris Kurniawan, 2021). Maka, setelah digabungkan, terjadilah maksud atau pengertian seni budaya atau seni kebudayaan yang merupakan segala hal yang diciptakan manusia dengan cara hidup berkembang secara Bersama-sama pada suatu kelompok yang memiliki unsur keindahan secara turun temurun dari generasi ke generasi (Si Manis, 2020). Menurut definisi-definisi yang telah dinyatakan di atas, namun seni dan kebudayaan bukanlah hanya semata mengetahui maksudnya sahaja tetapi seni dan kebudayaan juga mempunyai fungsinya atau kepentingannya kepada masyarakat (Sofyan Hadi, 2015).

Menurut Sepating Bungai (2014), di antara fungsi-fungsi bidang seni dan kebudayaan ini adalah sebagai aktiviti riadah masyarakat di mana ada masyarakat yang tinggal di kampung, mereka meluangkan masa mereka dengan aktiviti-aktiviti riadah seperti tarian, silat, muzik dan sebagainya. Menurut iDoc (2020), masyarakat ini mempelajari sesuatu tarian bukan sahaja untuk mengisi masa lapang mereka tetapi menjalinkan hubungan sesame mereka yang seterusnya dapat mengeratkan hubungan silaturahin dalam kalangan komuniti mereka. Dari sudut kesihatan, aktiviti-aktiviti ini dapat memberi satu bentuk senaman dan Latihan anggota badan agar menjadi sihat dan cergas serta untuk golongan lelaki, aktiviti bersilat juga merupakan aktiviti riadah yang baik yang dapat mengasah mental, emosi dan fizikal mereka agar sihat sejahtera (Khadijah Razaki, 2017). Sehubungan dengan itu, aktiviti seni dan kebudayaan juga berkait rapat dengan agama kerana dari sudut agama, hukumnya wajib seperti aktiviti nasyid, marhaban dan hadrah yang merupakan aktiviti kesenian Islam juga (Sepating Bungai, 2014). Pernyataan itu turut disokong oleh Askafi (2020), di mana melalui aktiviti kesenian sebegini, pemupukan amalan keagamaan dapat dilaksanakan secara berkesan di mana seni kebudayaan ini merupakan pengungkapan dan apresiasi keindahan alam sebagai anugerah ilahi yang tidak terbatas (Askafi, 2021). Tambahan pula, seni budaya bukanlah suatu aktiviti yang remeh malah seni budaya sudah menjadi manifestasi tamadun kehidupan sesebuah negara dan peranannya cukup besar dalam pembangunan masyarakat (Fazurawati Che Lah, 2017). Walaubagaimanapun, warisan bidang seni dan kebudayaan perlu dikekalkan dengan usaha yang berkaitan kerana setiap seni dan kebudayaan itu mempunyai identiti sendiri (Zega Augustin, 2012).

Langkah atau usaha yang boleh dilakukan untuk memupuk semangat cinta akan seni kebudayaan adalah dengan mengadakan pameran dan aktiviti berasaskan kesenian pelbagai kaum (Ikin Zolkifli, n.d.). Tambahan pula, dari segi sektor pelancongan juga mampu mengembangkan warisan budaya di mata dunia dengan cara persembahan tradisional seperti tarian, teater dan persembahan kesenian dari agensi-agensi seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang sering mengadakan aktiviti Semarak Abngsawan yang dijadualkan pada minggu kedua setiap bulan dengan memaparkan pelabagi budaya, kostum dan keunikan sesebuah budaya (Alen Lam, 2021). Selain itu, usaha lain yang boleh dipraktikkan adalah dengan mengaktifkan diri dalam persatuan atau kelab tarian tradisional yang ada sama ada di sekolah, di universiti atau di peringkat pekerjaan yang mana apabila menyertai kelab sesuatu tarian itu, seseorang masyarakat dapat memahami tarian itu dengan lebih dalam (Jayarajan, 2016).

4.2 TOPIK 2

Tarian piring merupakan tari tradisional yang berasal dari Minangkabau, tepatnya dari Solok, Sumatera barat di mana tarian ini telah wujud sejak 800 tahun yang lalu (RimbaKita, 2019). Pada zaman dahulu, tarian ini dilakukan sebagai ritual ucapan syukur kepada para dewa atas berkat hasil panen yang melimpah di mana sewaktu upacara tersebut, para gadis yang mewakili masyarakat di situ akan membawa sesaji berupa makanan yang diletakkan di atas piring dan piring tersebut kemudian dibawa dengan gerakan-gerakan sesuai irama musik pengiringnya (Octavianata, 2021). Kemudian, tarian ini tersebar luas saat kerajaan Sriwijaya jatuh ke tangan Majapahit pada abad ke-16 dan penyebaran tersebut dibawa oleh rakyat Sriwijaya yang melarikan diri ke negeri-negeri Melayu sekitarnya dan akhirnya, apabila agama Islam telah masuk ke Kawasan Minangkabau, tarian telah berubah fungsi dan tidak lagi ditujukan untuk memuja para dewa dan seterusnya bertransformasi menjadi kesenian dan hiburan masyarakat sehingga sering dipentaskan saat acara-acara adat Minangkabau (Vannisa, 2020). Apabila tarian ini semakin popular di kalangan rakyat minang, maka tarian ini juga dilakukan untuk menghibur raja dan tamu serta sebagai persembahan dalam acara pernikahan dimana sepasang mempelai dianggap sebagai raja dan ratu sehari (Redaksi, 2016). Walaupun tarian ini merupakan warisan turun-temurun, namun tarian piring tidak dilupakan oleh perkembangan zaman di mana tarian ini sehingga sekarang masih sering dipentaskan dan membuat penonton kagum saat melihat gerakan-gerakannya kerana tarian piring ini mempunyai keunikannya tersendiri (RimbaKita, 2019).

Pelbagai keunikan tarian piring yang dapat dibincangkan di mana keunikan yang pertama ialah piring sendiri sebagai alat utama semasa menari yang membuat tarian ini berbeza dengan tarian adat dari daerah lain serta penggunaan piring ini juga memiliki makna dan sejarah tersendiri di mana hebatnya apabila piring tersebut tidak pernah jatuh saat dimainkan (Prasetyo, 2021). Keunikan yang kedua ialah gerakan tarian itu sendiri unik kerana piring diletakkan diatas kedua telapak tangan kemudian menggenggamnya di mana piring digerakkan secara memutar dan diayun-ayunkan mengikut irama musik pengiring serta dengan adanya teknik memegang tertentu, piring tersebut tidak akan jatuh (Alex, 2021). Seterusnya, keunikan yang ketiga menurut Arifin Saddoen (2021) ialah tarian piring merupakan tarian beragam musik pengiring yang menggunakan berbagai jenis alat musik seperti rebana, gong, saluang, talempong dan sebagainya serta tarian ini sering diiringi oleh irama musik panayuhan yang biasanya memainkan lagu Takhian Sai Tiusung dan Takhi Pinghing Khua Belas. Keunikan yang terakhir ialah penari akan menari di atas pecahan piring di mana keunikan ini tidak

dimiliki oleh kesenian tarian yang lain dan para penari akan melempar piringnya ke lantai hingga pecah dan berjalan di atas pecahan piring yang tajam tersebut tanpa terluka (Bergaya, 2020). Namun, disebalik keunikan tarian piring tersebut, pasti mereka mempunyai kostum mereka tersendiri semasa melakukan pementasan di mana tarian piring mempunyai dua jenis busana iaitu busana untuk lelaki dan busana untuk wanita (RimbaKita, 2019).

Untuk busana penari lelaki, kostum mereka disebut sebagai Rang Mudo iaitu bentuk pakaian berlengan panjang serta hiasan missia yang juga disebut hiasan renda emas (Octavianata, 2021). Untuk seluar yang mereka guna disebut dengan besaran gelombang di mana seluar itu berukuran besar di bahagian tengah dan memiliki warna selaras dengan baju atas serta mengenakan seper sisampek dan cawek pinggang yang bentuknya seperti kain songket dan diikatkan pada pinggang manakala semasa membuat persembahan, penari lelaki akan mengenakan destar iaitu penutup kepala berbentuk segitiga yang dibuat dari kain songket (Vannisa, 2020). Kemudian untuk busana bagi penari wanita ialah baju kurung di mana bahan utama untuk membuatnya adalah kain satin dan juga mereka akan mengenakan selendang yang dibuat dari kain songket sebagai hiasan yang diletakkan dibahagian kiri badan (Ibnudin, 2021). Tambahan pula, menurut Minangku (2021), sama seperti penari lelaki, penari wanita juga menggunakan penutup kepala yang terbuat dari kain songket yang bentuknya mirip seperti tanduk yang disebut sebagai tikuluak tanduak balapak serta mereka juga mengenakan kalung rumbai, kalung gadang dan subang atau anting-anting khas minang.

5.0

**TRANSKRIP
TEMUBUAL
BERSAMA TOKOH**

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

SESI 1

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan sesi pertama mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni tarian piring. Bersama-sama kami ialah Tuan Suhaimi Magi atau dikenali sebagai Paksu yang merupakan seorang koreografer dan penari terkenal dalam tarian tradisional di Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada Tarikh 28 Mei 2021 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 11.30 pagi secara dalam talian di Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Siti Nazira Rosli dan juga Nurul Faten Adila Abd Aziz. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NFAAA : mm-hm

SM : Silakan.

NFAAA : (ketawa kecil) Okay Paksu, boleh kenalkan diri dulu tak? Nama penuh, tarikh lahir.

SM : Nama saya Suhaimi Magi. Pembetulan Nazira bukan Magi ya.

NFAAA : (ketawa kecil)

SM : Magi mee.

SNR : Magi (angguk) (senyum sinis)

SM : Walaupun di kampung saya di mana pun selalu kadang-kadang ada yang panggil saya Magi malah.

NFAAA : Oh (angguk)

SM : Saya berumur enam puluh tiga tahun [63]. Saya lahir di iaitu kampung saya unik namanya. Nama dia Kampung Angan-Angan [Sabah] jadi kami tak buat apa-apa, kami angan-angan saja. Angan-Angan Tenom Sabah _ _ _ _ _ bulan lapan [8] 1957 sama dengan waktu kemerdekaan.

NFAAA : Lepastu, mm-hm dekat mana paksu duduk sekarang?

SM : Saya sekarang berada di Sabah, Kota Kinabalu [Malaysia] dan sekarang saya bertugas di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan [Universiti Malaysia Sabah]

tetapi pada awal Jun kami akan berada di dalam suatu jabatan baru yang dinamakan Akademi Seni dan Teknologi Seni Kreatif yang baru ditubuhkan baru mendapat kelulusan dari Kementerian Pendidikan.

NFAAA : **Oh okay.**

SM : Bertempat di UMS lah [Universiti Malaysia Sabah] (batuk).

NFAAA : **Okay faham. Okay boleh tak paksu ceritakan pengalaman zaman sekolah sampai sekarang.**

SM : mm-hm pengalaman banyak -- maksud kamu pengalaman di sini adalah pengalaman saya sebagai orang seni atau kehidupan?

NFAAA : **mm-hm sebagai macam – macam mana dia punya jalan cerita daripada startnya [mula] belajar tarian piring sampai sekarang.**

SM : Sebetulnya tarian piring saya kenal pada tahun sembilan belas-an mungkin 1979 tapi sebetulnya waktu kecil saya tidak pernah mengenal tarian piring jadi kalau saya mahu apa ni cuba mengulang sejarah hidup saya sebagai orang _____ saya adalah orang kampung yang hidup dengan serba kekurangan. Tetapi kekurangan _____ (batuk) masyarakat saya itu adalah orang Jawa Banjar yang kami bapak saya orang Jawa, ibu saya adalah orang Banjar. Waktu itu saya beruntung sebab saya sempat jumpa dengan nenek, atuk dan semua orang-orang yang berketurunan Jawa Banjar yang memang berasal daripada negara Jawa dan juga Banjar. Memang saya beruntung dapat mengenal mereka apa tu nenek daripada garis saya ataupun nenek atuk yang memang kami kenal hidup di dalam lingkungan perkampungan itu. Jadi, hidup di dalam alam budaya itu Jawa Banjar. Jadi, dominasi budaya itu bergabung selalu macam-macam ada Jawa, ada Banjar. Jadi, telinga saya faham tentang Jawa tetapi saya lebih fasih dalam bahasa Banjar dan waktu dari kecil memang saya aktif dalam kesenian itu kerana pengaruh alam budaya Jawa Banjar itukan bermacam-macam kesenian pelbagai termasuk yang paling susahnyanya itu berdendang. Berdendang itu bukan maksudnya nyanyi tetapi berdendang itu adalah berjoget bertandang, itu yang bila ada orang kahwin, itu kemudian saya mengingatkan _____ main drum, main tambo. Kemudian saya belajar pencak silat dari umur saya sepuluh tahun saya sudah *start* [mula] belajar pencak silat.

Sebetulnya bukan kerana saya mahu menjadi pendekar, bukan (menggeleng kepala), kerana di kampung kami tahukan bukan macam sekarang ada internet.

SNR : mm-hm (mengangguk kepala)

SM : Hiburan ketika itu kebetulan dibuka satu gelanggang saya ikut supaya saya jangan menganggur jangan boring. Belajar -- silat sehingga daripada keberanian saya main pencak silat itu selalunya saya diajak untuk membuat persembahan silat itu. Situ saya kenal apa itu seni persembahan (gangguan batuk). Kemudian, setelah itu saya diajak oleh ada sekolah di mana sekolah yang tempat saya tinggal kampung itu ada cikgu dari Semenanjung. Dia membuat tarian zapin. Mungkin saya lebih cepat belajar kerana belajar pencak silat dan belajar menari itu tidak banyak beza. Hidupnya sahaja lain dia punya sistem belajar lain tetapi dalam menghafal melangkahnya lebih mudah kerana saya seorang pencak silat (gangguan batuk) Maafkan saya sebab saya agak batuk. Kemudian, setelah saya berhijrah daripada kampung ke Kota Kinabalu, disitu saya lebih memahirkan diri saya untuk belajar menari pelbagai tapi lebih banyak menari tarian dari Sabah, ada juga tarian-tarian Melayu dari Semenanjung itupun agak minimum. Tapi, tarian piring saya kenal sebetulnya pada tahun tujuh puluh sembilan [1979], sewaktu itu saya sudah menjadi penari di penari tetap namanya. Kalau sekarang kan artis budaya, dulu ada penari tetap. Waktu itu ada KPN [Kompleks Pemuda Negara] dan kami di Sabah [Malaysia] yang muncul yang kami wujud dalam Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, di Semenanjung pun sama juga. Waktu itu ada mm-hm tawaran untuk belajar tarian dari Indonesia dari Sumatera Barat dan saya terpilih daripada Sabah daripada empat orang pelajar dan dari situ sampainya saya ingat ada di belia Cheras [Selangor]. Kami belajar di situ saya ingat lagi tempat tu (sambil senyum sinis) dan ternyata di situ saya baru mengenali apa itu tarian piring. Mungkin itu pertama kali dalam sejarah saya di mana ketika itu menterinya saya lupa tapi dia memang berketurunan orang Minangkabau [Negeri Sembilan] mungkin itu juga dia untuk memindahkan atau mengembangkan kesenian Indonesia, Sumatera itu ke Negeri Sembilan [Malaysia] tapi dia terjemahkan juga untuk penari dan ketika itu tidak disebut koreografer tetapi jurulatih tarian dari seluruh Malaysia. Jadi saya sewaktu itu belum jadi jurulatih pun, tapi mungkin saya penari kanan. Saya _ _ _ _ _ (gangguan bunyi telefon) mengenal tarian piring dan saya ingat lagi bahawa yang mengajar itu adalah ibu Sofyani Yusaf itu memang seorang tokoh tari yang

memang sangat terkenal di Sumatera Barat [Indonesia] dengan gayanya yang asli (gnagguan bunyi telefon) yang bercirikan kemelayuan dari gemalainya kalau dari payung _ _ _ _ _ itu memang itu khasnya ibu Sofyani, di situ saya kenal tarian piring pertamanya.

NFAAA : Selepas tu, ada tak paksu punya motto atau slogan hidup?

SM : Saya tak selalu mempraktikkan slogan hidup dalam hidup saya tapi kalau saya selalu melihat kepada alam. Saya melihat, saya mengalir seperti air sahaja yang tak terlalu mendramatikan hidup ini dengan harus ada motto -- . Saya tidak, kurang – tapi saya meletakkan diri saya seperti falsafah air yang saya mengalir ke mana saja. Jadi sewaktu saya dihalang, waktu saya dihalang, tapi saya akan tetap juga mencari lubang kecil untuk lolos untuk terus jalan ataupun saya akan naik sampai ke atas dan melimpah untuk terus jalan. Jadi, itu mungkinla (angguk).

NFAAA : Oh okay faham.

SNR : Okay mm-hm paksu boleh ceritakan latar belakang keluarga paksu? Nama ibu atau bapa, pekerjaan ibu atau bapa.

SM : Keluarga saya keturunan Jawa Banjar. Bapa saya adalah dari Jawa. Nama bapa saya adalah Magi bin Harno. Sejarah keberadaannya ke Sabah adalah sewaktu perang Jepun. Sewaktu perang Jepun, Jepun mengambil tenaga kerja daripada Indonesia untuk di bawa ke Sabah [Malaysia] untuk menjadi tenaga buruh dan bapa saya adalah salah satu manusia yang dipaksakan sebetulnya sebab ketika itu dia baru berumur empat belas tahun [14], jadi sampai ke Sabah dan bekerja sebagai buruh kasar dengan apa ini dengan sebuah syarikat tetapi dikendalikan oleh tentera Jepun. Jadi mereka semua tenaga buruh yang dipaksakan. Jadi itu juga yang dari kampung saya yang kebanyakan orang-orang yang Jawa di Sabah itu kebanyakannya memang datang dalam sejarah sejarah yang sama, dibawa oleh Jepun sebagai tenaga kerja. Ibu saya berketurunan Banjar masih tapi dia lahir di Sabah [Malaysia] , nenek saya pun lahir di Sabah [Malaysia] cuma atuk saya yang berbangsa Melayu dari Banjar masih dan sampai ke Sabah kahwin dengan nenek perempuan saya. Itu kalau kami di, keluarga saya nenek itu dipanggil nenek, nenek lelaki nenek perempuan. Di atasnya baru datuk kan kalau sebenarnya atuk itu untuk lelaki kan. Untuk keluarga kami, datuk itu di atasnya nenek, jadi kami ada nenek lelaki nenek perempuan, datuk lelaki dan datuk perempuan. Begitu _ _ _ _ _

NFAAA : Oh, macam – moyanglah.

SM : Ha, moyang atas lagi.

NFAAA : Oh, atas lagi.

SM : Jadi nenek, datuk, moyang. Macamtulah agak-agak jauh lah. Jadi bapak saya, mm-hm pekerjaannya seperti biasalah kerana dia datang hanya bermodalkan nasib sampai ke situ dan dia bekerja petani sampai akhir hayatnya pun petani dan ibu saya sebagai surirumah tangga. Apa ni ada lima [5] orang adik beradik (gangguan bunyi telefon), sebetulnya lapan [8], tapi tidak _ _ _ _ _ jadi yang hidup adalah kakak saya, saya adalah anak kedua [2] tapi lelaki yang tertua. Kemudian, saya ada adik lelaki, keempat [4] perempuan telah meninggal dan kelima [5] adalah mm-hm seorang adik bongsu saya perempuan. Jadi kami lima [5], dua [2] lelaki tiga [3] perempuan.

SNR : mm-hm bakat yang paksu ada sekarang ni datang daripada ahli keluarga lah ataupun semula jadi?

SM : Ada kemungkinan sebab dari cerita yang sampai ke telinga saya oleh ibu saya, bahawa nenek lelaki saya yang dari Banjar itu dulu dari Banjar masih dia adalah seorang pemain bangsawan – tidak ada bukti – dan begitu juga arwah bapak saya sewaktu di Jawa itu, tahu saja kan mereka hidup di alam ke-Jawaan itu macam-macam kesenian yang mereka ada dan dia adalah pemain kethoprak. Kethoprak itu sefokusnya teater rakyat, mungkin di situ yang menjadikan ada titisan darah warisan tetapi dalam seluruh keluarga besar kami, saya satu-satunya yang mempunyai bakat besar itu dan juga sampai sekarang saya teruskan tetapi saya wariskan kepada anak cucu saya. Jadi anak cucu saya lebih beruntung sebab dia nampak jelas asal usul waris tapi kalau saya tak tau. Apakah itu memang cerita itu sahlah ataupun kebetulan memang saya orangnya berminat kepada bakat seni. Yang itu saya kurang pasti.

NFAAA : Jadi ada tak anak-anak tuan -- (gangguan dari Nazira), yang ikut dalam warisan seni?

SM : Jangan panggil saya tuan.

NFAAA : Eh- lupa, paksu (sambil ketawa kecil) (gangguan batuk) Ada tak anak-anak paksu yang ikut dalam warisan seni?

SM : Ada (sambil angguk). Saya ada dua [2] anak lelaki yang sudah lulus di ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] yang lulus ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] sehingga ijazah, satu tu mm-hm bekerja sekarang di DBKL [Dewan Bandaraya Kuala Lumpur], dia sebagai koreografer di situ dan salah satu anak saya sekarang ni juga sudah selesai ijazah dan dia buat *freelance* [percuma], dia jadi agent Coway, tetapi dia punya *group* [kumpulan] sendiri namanya Romo SuperSede [SuperSede Crew] kalau kamu tengok di *Youtube* kamu akan jumpa. Nama betul dia adalah Fahezul Azri Suhaimi, itu anak saya yang satu, yang abang dia adalah Shafeerul Azmi bin Suhaimi Jadi sebetulnya dua-dua ini mempunyai bakat yang besar, anak saya Shafeerul itu pernah mendapat Anugerah Koreografer Muda Negara oleh Agung mm-hm, tahun berapa saya lupa (sambil menggeleng kepala) tapi kalau anak saya yang kelima ini lelaki ini, dia – dapat *gold* [emas] *medal* [pingat] di Los Angeles [United States], Narkoba punya pertandingan dan dia banyak membuat tarian-tarian kontemporari yang berbagai la macam-macam, dan dua [2] orang ini mempunyai bakat, dan dia punya anak, anak dia sudah yang Shafeerul itu sudah menampakkan bibit-bibit bakat tapi juga ada cucu-cucu lain saya yang sudah melihatkan benih-benih bakat itu sudah ada, bergerak, berlakon (sambil menunjukkan gaya), teriak-teriak tapi saya bilang biarkan dulu, biarkan dia berkembang sendiri. Tapi sebetul saya punya anak nombor dua [2] memang berbakat, bagus dan berhasil.

NFAAA : Okay Nazira.

SNR : mm-hm kalau dari adik-beradik paksu pula ada yang terlibat dari dalam bidang kesenian?

SM : Takda – (sambil menggeleng kepala), takda satu pun – waktu mudanya mungkin kakak saya adalah sempat menyanyi – orang kahwin itu biasalah tapi tidak berlanjut mengikut waktu. Tahulah orang kahwin kan, kadang-kadang siapa yang mahu menyanyi, datanglah nyanyi dengan pancaragam. Begitulah. Tapi untuk bila intensif, terlibat tiada (sambil menggeleng kepala). Jadi saya satu bukan sahaja dalam keluarga daripada ibu kandung bapa kandung, daripada atuk keseluruhan besar pun takda. Hanya saya seorang [1] saja.

NFAAA : Oh faham. Okay lepastu nak masuk dalam topik perkahwinan paksu lah. Nama isteri paksu?

SM : Nama isteri saya adalah Dini Kusumaningrum.

NFAAA : Dia – Sabah [Malaysia] juga ke atau keturunan lain?

SM : Dia memang orang Indonesia --.

NFAAA : Okay. Dah berapa lama mm-hm paksu berkahwin?

SM : Dua ribu, baru saja sebenarnya.

NFAAA : Berapa?

SM : 2007.

NFAAA : 2007.

SM : Ada ceritanya tapi saya tidak menceritakannya sebab saya ada cerita yang berbagai jadi saya tidak masuk itu. Cuma saya bilang isteri saya sekarang adalah Dini Kusumaningrum, yang lain tak mahu cerita. Anak saya ada enam orang, tiga lelaki tiga perempuan.

NFAAA : Oh tiga lelaki tiga perempuan. Okay jadi – apa tu paksu – boleh tak ceritakan bagaimana paksu dengan isteri paksu berkenalan?

SM : (ketawa kecil) Ini menarik. Sebetulnya ini agak kampungan juga ceritanya lah. Jadi, namanya jodoh kan, waktu itu belum ada *Facebook* tapi kita menggunakan *Friendster*.

SNR : mm-hm (sambil angguk)

SM : Itu namanya *Friendster* macam *Facebook* lah. Jadi kami jumpa di situ saja. Kemudian dari itu (sambil menunjukkan tangan menaip) , kemudian dari situ lah mungkin jodoh punya sebab musabab, saya selalu datang kebetulan saya kan kerja di KL [Kuala Lumpur] di ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] saya selalu boleh dekat dengan Jakarta [Indonesia] lah sebab Jakarta [Indonesia] kan mm-hm rumah kedua saya sebab saya kan dulu belajar di Indonesia selama lapan [8] tahun, jadi itu rumah saya jadi saya pulang ke sana adalah pertemuan dan dipermudah cerita dipersetujui oleh keluarganya, jadi kami bernikah.

NFAAA : mm-hm paksu bernikah dekat mana?

SM : Jakarta [Indonesia] (sambil angguk).

NFAAA : Jakarta [Indonesia].

SNR : Jakarta [Indonesia].

SM : Jakarta [Indonesia] dengan penuh adat Jawa.

NFAAA : Oh okay faham.

SNR : Okay, soalan seterusnya. Mm-hm (gangguan batuk) mengapa paksu pilih untuk melibatkan diri dalam tarian piring?

SM : Itu pertanyaan sebetulnya (sambil ketawa) cepumas. Tidak ada jawapan khas. Macam beginilah

SNR : mm-hm

SM : Macam saya tanya kamu, kenapa kamu makan sate, ha begitu.

NFAAA : (ketawa)

SNR : (ketawa)

SM : Kenapa kamu itu makan nasi. Ha macamtu lah. Itu makanan. Itu adalah kesenian -
- saya tidak memilih untuk saya tidak menganggap pakar dalam tarian piring tapi tarian piring menjadi kemahiran saya, salah satu (sambil menunjuk jari satu) dan saya banyak – memang membentuk mm-hm dalam pembelajaran saya di ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] pun, saya menggunakan piring sebagai mata pelajaran dan saya mempelajari tarian piring yang pelbagai sewaktu saya di Indonesia dan saya mengenal berbagai gaya tari piring di Indonesia, begitu juga dengan apa di Negeri Sembilan. Kesemua itu saya memahami dan saya menguasai dan teknik-teknik tarian piring saya pun sudah menjadi silibus di ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] dan juga sekolah seni di Johor [Malaysia]. Ha itu tarian piringnya memang datang dari saya hasil dari pendidikan saya di Indonesia. Tapi kalau kenapa, tiada jawapan (sambil menggeleng kepala) kerana itu adalah tari yang perlu saya pelajari untuk memperkaya ilmu kesenian saya.

SNR : mm-hm bagaimana paksu tahu kewujudan tarian piring ini?

SM : Banyak-- maklumat-- sumbernya berbagai. Mm-hm dulu, dulunya kan ada maklumat mm-hm tarian piring ini berasal dari satu, dulu kan kita sebelum ada hisam, kita membuat upacara-- pemujaan dan ketika itu mereka membawa piring itu membawa makanan untuk dihidangkan untuk memuja roh tertentu. Itu satu, kemudian setelah berkembang adanya agama besar, kita beragama Islam, dia hanya menjadi satu bentuk kesenian yang untuk mm-hm membuat persembahan untuk memperlihatkan kemahiran mereka dengan *skill* [kemahiran] yang ada. Itu satu (sambil menunjuk jari nombor satu). Ada juga yang menyatakan ketika itu ada mm-hm ada salah satu maklumat yang saya dapat sewaktu dalam mm-hm masyarakat itu ada kehilangan cincin-- yang mencari dari siang sampai malam ketika itu mereka terpaksa menggunakan lilin sebab itu cara membelajarinya, mereka cari lilin dan lilin itu dibawa untuk mencari cincin itu dicelah-celah rumput yang ada di depan halaman kampung. Sejak itu menampakkan imej dan itu diangkat menjadi satu cerita kepada nilai budaya akhirnya mereka menaikkan (sambil menunjuk gaya tangan). Dan tarian piring pun macam-- ada cara zapin lain pun tarian piring juga kan. Sabah [Malaysia] pun sebetulnya ada tarian piring tapi kalau yang melihat daripada budaya di Semenanjung, apa juga tarian piring mesti berkaitan dengan tarian inang.

NFAAA : **mm-hm (sambil angguk kepala)**

SM : Tapi di Sabah [Malaysia] ada tarian piring yang tiada kaitan dengan tarian inang.

Ya itu _ _ _ _ _

NFAAA : **mm-hm okay faham.**

SNR : **mm-hm jadi mm-hm adakah mm-hm siapa yang menjadi inspirasi paksu untuk menceburi dalam tarian piring ini?**

SM : (gangguan bunyi telefon) Saya kalau inspirasi itu guru saya lah yang pertama kali ibu Sofyani Yusaf itu kerana dia yang memberi saya ilmu—pertama mengenal tarian piring. Jadi kalau inspirasi, dialah kerana saya ini. Tapi kalau melihat dari inspirasi hidup seni saya, guru—saya di Sabah [Malaysia] lah. Macam arwah guru Nasirnadi, Sarip Ahmad Sarip Ismail, Cikgu Syabun Yusuf . Itu orang—yang banyak memberi inspirasi kepada saya untuk menjadi seorang penari di Sabah tetapi kalau tarian piring, saya kira orang pertama yang saya pelajari adalah mm-hm Sofyani Yusaf tapi setelah itu saya di Indonesia di Institut Kesenian Jakarta,

saya belajar piring dari arwah Almarhum Pajdi Hutan, Nor Ibnul mm-hm mungkin tarian piring melayu yang daripada Herli. Nah itu juga saya ada belajar tarian—piring yang lain Husnati Sufyan. Itu adalah orang—tokoh tari yang sangat penting di Indonesia yang pernah saya pelajari lah.

SNR : mm-hm (sambil angguk kepala)

SM : Berbagai ada yang berbentuk yang Sofyani Yusaf ini lebih bersifat pesisir, dia punya latar belakang pengaruh melayunya lebih tenang (gangguan bunyi telefon) berbanding dengan Almarhum Pajdi Hutan _ _ _ _ _ itu dari pergunungan yang ininya lebih pekat dengan pencak silat. Jadi tekniknya lebih pencak silat (sambil menunjuk gaya) ya itu yang banyak saya perkenalkan yang ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] menjadi silibus di sekolah seni Johor [Malaysia] juga (gangguan batuk).

SNR : Jadi antara nama—tu, nama—tokoh yang tadi paksu sebut tu, mm-hm siapa yang orang paling pertama kenalkan tarian piring tu?

SM : Ibu Sofyani Yusaf (sambil angguk kepala). Pertama kali saya jumpa pada tahun tujuh puluh sembilan [1979] di Kuala Lumpur [Malaysia] di Cheras [Kuala Lumpur].

SNR : Jadi, pada pendapat paksu, keunikan tarian piring ni dari segi apa? Keunikannya, apa keunikan tarian piring ni sendiri?

SM : Harus saya bilang, unik tarian piring adalah cuba dia memiliki suatu kemahiran tinggi yang perlu dikuasai oleh penari kerana sebarang kesilapan kecil akan menghancurkan persembahan itu, piring itu akan jatuh dan keunikannya adalah supaya kamu, kita terus mengimbang piring itu supaya tidak jatuh di lantai. Bila jatuh, dia sebetulnya sudah mencatatkan persembahan dan nilai estetika tarian piring. Jadi, *skill* [kemahiran] tari piring itu sangat mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan pencak silat dari riuknya (sambil menunjuk gaya) kan, itu semua harus diimbang dan bagaimana tubuh itu menjadi mengimbang adalah teknik kita belajar dan mengajarlah. Itu yang menariknya kalau buat saya uniknya buat saya kerana tubuh kita berlatih dengan piring itu bukan hanya piring di atas tangan tapi tubuh secara keseluruhan (gangguan batuk).

SNR : Okay mm-hm adakah paksu ada studio atau akademi—tersendiri untuk melatih para penari?

SM : Saya tidak ada secara khusus akademi saya tidak punya (sambil geleng kepala) tapi saya punya kumpulan dan sekarang ini saya mengajar di ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] dan saya mengajar sekarang di UMS [Universiti Malaysia Sabah] tapi di UMS [Universiti Malaysia Sabah] saya tidak mengajar tarian piring ini tapi dalam kumpulan saya, saya mengajar tarian piring. Di Sabah [Malaysia] sini dulu saya pernah mengajar di Lembaga Sukan dan Kebudayaan Negeri Sabah dan tarian piring salah satu jadi saya punya pembelajaran untuk mereka mengenal. Begitu juga dengan penari—koreografer di Sabah, saya pernah melatih tarian piring sebagai salah satu ilmu dalam tari. Waktu tu adalah ada- waktu pertama menerima tarian piring itu ada yang negatif melihat tarian piring tapi lama—mereka sedar sebab ada yang menganggap tarian piring itu tarian Kristian pakai lilin. Ha itu orang yang sangat kaku lah tapi kita anggap itu hanya pendapat jadi biarlah.

SNR : Okay mm-hm sejak dari mula keluarga paksu menyokonglah kerja paksu sebagai penari?

SM : Sangat. Dari waktu saya mula belajar mm-hm sebetulnya bermula dari pencak silat itu sudah orang tua saya sangat menyokong. Jadi waktu saya mula pandai menari dan saya berani tampil di atas pentas untuk menari menggunakan pencak silat pulut, mereka sudah begitu bangga. Seingat saya mula menari—membuat persembahan mereka menyokong sehingga saya berpindah berhijrah ke bandar, saya membuat persembahan yang paling besar di Kota Kinabalu [Sabah] itu, menari di _ _ _ _ _ (gangguan bunyi telefon) itu yang saya anggap seakan istana budaya lah, besar. Tapi setelah saya berhijrah ke Jakarta [Indonesia], itu banyak tempat yang saya buat persembahan. Begitu juga waktu saya di Kuala Lumpur [Malaysia] setelah balik ke Semenanjung.

SNR : mm-hm melalui macam kajian kami, penari perlu sentiasa aktif dan kekal sihat, jadi sampai sekarang ini, bagaimana paksu jaga kesihatan untuk kekal melibatkan diri dalam bidang tarian ini?

SM : Saya kerana kebetulan saya tugas saya sampai sekarang adalah mengajar tarian, jadi itu keberuntungan.

SNR : mm-hm (sambil angguk kepala)

SM : Waktu saya tiap hari kelas itu, saya mendapatkan mengajar dan kerja itu sebagai latihan. Jadi ada waktu untuk saya tiap hari setengah jam dengan stamina dengan umur saya yang kini semakin turun. Jadi saya mendapatkan itulah. Tapi kalau sepanjang latihan saya dan saya melatih orang, menari itu stamina harus maksima. Seorang penari itu sama kualiti pengajarnya sama seperti seorang ahli sukan. Tiada kompromi. Jadi kalau stamina lemah, bererti kita tidak mencapai kriteria penari yang bagus sebab dia tidak boleh gendut, dan macam saya sekarang gendut, dulu tidak. Masih slim. Tapi waktu itu saya dilatih, tapi waktu saya melatih, saya pastikan penari saya tidak ada yang bermasalah dari segi mm-hm masalah kepenarian dan keterampilan penari. Jadi saya harus melatih bagaimana saya dilatih.

NFAAA : mm-hm (sambil angguk kepala)

SM : Jadi sambil saya melatih, sebetulnya saya melatih diri saya.

SNR : mm-hm okay. Jadi selain tarian piring, apa tarian yang lain yang paksu mahir?

SM : Sebetulnya kalau mahir banyak. Kalau macam boleh dikatakan seluruh Malaysia ini saya boleh, katakan Semenanjung dari Semenanjung itu hampir semua saya faham. Makyong ke, teringai ke, wau bulan, joget semua itu. Dari Sabah, Sarawak [Malaysia], ngajat, Ngajat Induk, Ngajat Lesong, itu semua saya fahami di Sabah [Malaysia] hampir semua. Jadi itu semua. Tapi mungkin kerana saya pernah belajar di Indonesia, jadi saya juga menguasai tarian Jawa, Minang, Aceh, mm-hm Maluku. Kemudian, tari Bali, tari Sunda, tari Betawi, jadi itu semua saya pelajari untuk menambah ilmu pengetahuan. Boleh dikatakan hampir semua tari—yang ada di Malaysia ini saya fahami dan saya mahir. Itu menurut pengalaman saya (sambil angguk kepala).

SNR : Okay seterusnya.

NFAAA : Tadi paksu ada cakap yang paksu ada kumpulan tarian

SM : (angguk kepala)

NFAAA : Dalam berapa orang?

SM : Untuk sekarang ini, saya ada sekitar mm-hm dua puluh [20], tapi kerana PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] ini, semua menjadi pasif selama hampir dua [2] tahun. Jadi kita tidak berbuat apa--. Sebelumnya tari kumpulan sendiri yang bergerak. Jadi, tarian itu berbagai lah, bergantung untuk persembahan perkahwinan, persembahan hotel, untuk perayaan macam--.

NFAAA : Jadi, bagi paksu, macam mana cara tarian piring ini dimainkan?

SM : Maksudnya?

NFAAA : Cara dia. Cara tarian piring ini ditarikanlah.

SM : Oh, macam saya bilang tadilah. Dasar utamanya mesti menggunakan prop. Propnya adalah piring dan piring itu tidak boleh jatuh. Jadi secara kemahiran (sambil menunjuk gaya tarian piring) kita harus selalu pandai mengimbang dan kadang—ada tarian itu dalam bentuk yang dia menari secara di atas tapi ada juga yang bercangkung, ada yang di bawah malah ada yang berguling. Itu adalah salah satu dia punya teknik tari. Walaupun apa gerakan yang kita lakukan, piringnya itu tidak pernah jatuh. Apa lagi kadang—dia menggunakan gerakan yang tempoh yang sangat cepat tapi terkawal dengan betul.

NFAAA : Okay faham--. Ada tak ciri khas yang perlu ada untuk dalam tarian piring ini?

SM : Ciri khasnya kamu harus menjadi penarilah sebab kalau kamu tidak menjadi penari, kamu tidak akan faham macam mana mengimbang tubuh. Sebab dalam menari saya bilang kalau macam saya tunjuk (sambil tunjuk gaya tarian piring), tari piring itu sentiasa begini, jadi dia punya tradisi tarian piring itu mesti beginilah (sambil menunjuk gaya tangan) ke atasnya, tapi kalau macam _____ dia ada lilin. Itu tapi dalam kategori tarian piring juga. Jadi dia selalu memusingkan (sambil memusingkan tangan) piring itu dalam cara yang berbagai. Makanya, elemen ini sebetulnya dasar gerakanya dari pencak silat. Jadi kalau kamu tahu pencak, ini semua (sambil menunjuk gaya tangan) kamu tahulah dia punya itu macam—ragam gerak yang ada di situ.

NFAAA : Oh jadi, apa itu selain daripada pencak silat, ada sejarah lain tak pasal tarian piring?

SM : Tarian piring itu dasarnya memang dari pencak silat. Apapun dia punya dasar gerakanya iaitu semuanya memang bercirikan keMelayuan tetapi ininya tetap menggunakan itu (sambil menunjuk gaya) menggunakan pergerakan itu memang, ini semua adalah gerak pencak silat (sambil menunjuk gaya tangan) yang berlaku. Cuma sekarang bila dikenakan prop, imbangannya akan lainlah. Tapi dia ada nama yang macam itu kupu—terbang, tupai bergelut, pohon kelapa, ikat rambut.

NFAAA : Jadi dalam bagi paksu, berapa lama untuk seseorang itu mahir dalam tarian piring?

SM : Bergantung. Kamu penari bagus atau tidak. Jadi kalau kamu penari memang tidak berbakat, barangkali seumur hidup pun kamu tak akan dapat. Tapi kalau kamu yang berbakat, saya fikir intensifnya secara khususnya dengan hingga baik itu enam [6] bulan boleh dapat menari dengan bagus sebab yang paling susah adalah bagaimana melatih keyakinan mereka untuk mengimbang piring supaya tidak jatuh. Jadi kalau saya selalunya, dari awal latihan memang saya suruh mereka bawa piring, setiap orang membawa piring dan bergerak dengan apa yang saya mahukan dan saya biarkan dia merasakan kerugian ketika piring itu jatuh dan pecah dan mereka harus beli sendiri. Setiap kali pecah, beli sendiri. Setiap kali pecah, beli sendiri. Jadi sehingga pada penghujung semester, boleh dikatakan satu pun tidak kerana dia ada rasa tanggungjawab. Kerugian untuk setiap pecah beli, setiap pecah beli. Dia tahu setiap pecah bererti kelemahan. Sekarang mereka berlatih bermula di misalnya di pasir, di rumput baru ke dalam studio dan dalam studio itulah kamu akan dengar siapa yang ada kelas di sebelah kamu akan dengar radio macam bunga api pang pung pang pung, sapu (sambil tunjuk gaya sapu). Kalau pecah, sapu beli baru. Kalau kamu tiada piring, jangan masuk kelas. Begitu saja.

NFAAA : Jadi bagi pendapat paksu, daripada dulu sampai sekarang, tarian piring ini diterima baik tak oleh orang ramai?

SM : Sangat—khususnya kalau di mana budaya itu berkembanglah sebab kalau kamu tahu tarian piring, itu sentiasa berkait dengan Minangkabau di Malaysia ini Negeri Sembilan lah. Negeri Sembilan [Malaysia] pemilik budaya Minangkabau itu maka tarian piring menjadi ikon, menjadi tarian mesti kepada tarian di Negeri Sembilan [Malaysia] tapi jika di tempat lain pun banyak. Tarian piring itu menjadi sebahagian dari persembahan tapi kalau segi ikon, Minangkabau di Negeri

Sembilan [Malaysia] itu menjadi dia punya pemilik, dia punya mohor. Mohornya itu dari mereka.

NFAAA : Oh jadi macam mana paksu tengok fenomena yang berlaku pasal tarian piring untuk zaman moden ini?

SM : Sangat menarik sebab menarik. Kadang—budak itu kebanyakannya saya boleh banggakan sebab itu semua pelajar saya di ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan]. Jadi di ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] itu saya mengajar mereka tarian piring secara tradisi. Macam mana undangunya macam mana teknik, tapi saya mengajar mereka untuk, okay sekarang saya mahu lihat piring kamu, menurut kamu. Jadi mereka menafsir tarian piring dengan tafsiran baru tetapi mempertahankan ciri-ciri khasnya dan itu berkembang. Jadi kalau contohnya begini ya, revolusinya kerana sebetulnya saya yang banyak membuat revolusinya, macam tarian itu sebetulnya, pada dasarnya seperti begini (sambil tunjuk gaya sebenar dengan tangan), dia mesti pegang begini, ini tradisinya tapi saya melatih pelajar saya bahawa ini adalah tradisi. Kalau bukan tradisi apa caranya, jadi saya pegang piring itu begini (sambil tunjuk gaya dengan tangan) dan boleh pegang begini (sambil tunjuk gaya menggunakan mulut), saya boleh taruk di sini (sambil menunjuk gaya dikepit tangan), saya boleh taruk di sini (sambil menunjuk gaya atas kepala). Jadi sebetulnya revolusinya tetap bagaimana memegang piring itu dalam kita punya daya kreativiti dan sampai sekarang, banyak koreografer—baru terutama yang berasal dari Negeri Sembilan [Malaysia], cuba mengangkat kreativiti tarian piring dalam satu persepsi yang baru. Tetapi tetap melihatkan estetikanya masih menarik iaitu bermain dengan piring. Masih lagi bagus (sambil angguk kepala).

SNR : mm-hm (sambil angguk kepala)

NFAAA : Jadikan macam yang paksu cakap tadi, tarian piring ada kene mengena dengan Minangkabau kan?

SM : Ya (sambil angguk kepala)

NFAAA : Jadi, apa peranan tarian piring dalam masyarakat Minangkabau?

SM : Itulah macam sejarah—tadi dari awal itu memang itu sejarahnya dari sana dari Minangkabau, seperti itu. Tapi kalau kamu lihat dari segi kehidupan, kamu pernah

nampak di kedai Minang kan? Macam mana kalau Minangkabau di Negeri Sembilan [Malaysia] ada tapi mungkin tidak banyak, tapi kalau di Indonesia, dia akan bawa piring, makanan itu di sini (sambil tunjuk gaya piring diletakkan atas tangan) bawa kan. Piring kecil—itu kan. Tapi tidaklah dia menari.

NFAAA : (ketawa kecil)

SM : Tapi itulah simbolik piring itu adalah untuk meletakkan makanan. Biasa piring itu tempat rezeki. Jadi kalau selalu *diserve* [hidang] makanan di restoran Minang itu, dia taruk sahaja kalau kamu buka Google, kamu bukak nasi padang, restoran nasi padang, kamu nampak budaya itu. Mereka punya kemahiran dekat sini (sambil tunjuk tangan) sampai sini pun saya sendiri pun tak mampu bikin. Itu ada lauk taruk di atas meja. Itu sangat penting. Tarian piring itu menjadi simbol dan ikon kepada tari Minangkabau sebab itu kerana Negeri Sembilan [Malaysia] punya kaitan sejarah yang ketat, padat kerana itu adalah anak kandungnya Minangkabau Negeri Sembilan [Malaysia] dan ini kerajaan itu ditubuhkan di sini dan darah—keturunannya sama sampai sekarang pun apa juga yang berlaku di Negeri Sembilan [Malaysia] itu diketahui di Minangkabau sebab sampai sekarang walaupun kita terpisah oleh sistem kerajaan, tetapi dinastinya ada. Mereka di Negeri Sembilan [Malaysia] masih terikat dengan adat yang berlaku di Negeri Sembilan di Minangkabau.

SNR : Okay mm-hm macam tadi paksu ada cakap paksu seorang pensyarah kan untuk sekarang ni?

SM : Betul (sambil angguk kepala)

SNR : Jadi pekerjaan paksu memang di Universiti Malaysia Sabah eh tadi?

SM : Universiti Malaysia Sabah dan saya mengajar tarian memang khas tarian. Saya tak boleh ajar yang lain. Ajar mekanik habis, ajar masak hancur.

SNR : (sambil ketawa) okay mm-hm paksu ada jadual, paksu ada jadual yang tetap atau tak kisah bila—masa paksu buat latihan dekat para penari?

SM : Saya adalah pensyarah tetap, jadi saya ada jadual. Jadi untuk universiti saya ada ikut universiti, macam kamu ada pensyarah jadi begitulah. Tugas saya, saya ada jadual, masuk kelas. Di mana jadual tu sampai, saya akan mengajar lah. Mungkin

dalam seminggu tu saya ada tiga [3] kelas, belum ada lagi bimbingan--, belum ada lagi persembahan--. Kadang—saya berkarya juga. Macam tu lah.

SNR : Jadi berapa lama daripada sejak kecil sampai sekarang ni, berapa lama paksu telah menceburi dalam tarian ini? Berapa lama dah tarian piring itu?

SM : Tarian piring? Dalam tarian piring?

SNR : Ya.

SM : Kamu kira dari tahun tujuh puluh sembilan [1979] lah. Kamu kira sendiri lah.

SNR : Dari tahun berapa?

SM : tujuh puluh sembilan, 1979.

SNR : Tujuh puluh sembilan [1979]. Oh okay.

SM : Tujuh puluh sembilan [1979] sampai dua puluh satu [2021]. Ha gagal lah tu Matematik.

NFAAA : (ketawa)

SNR : Jadi, tadi paksu ada cakap paksu ada kumpulan tersendiri kan?

SM : (angguk kepala)

SNR : Untuk tarian piring. Jadi memang diketuai oleh paksu lah kumpulan tu?

SM : Bukan hanya tarian piring itu bukan khusus tapi salah satu.

SNR : (angguk kepala)

SM : Salah satu daripada penari itu. Tapi yang lain itu banyak lagilah.

SNR : Oh faham. Ada maksudnya ada pihak lain ke akan turut serta semasa latihan?

SM : Ada--. Tetapi mereka—tahu kalau—untuk bekerja dengan saya, saya punya minat adalah mereka yang punya established [ditubuhkan], untuk kelas—saya akan ajar ikut tangga lah tapi kalau untuk (gangguan internet tidak betul)

SNR : Okay. mm-hm paksu pernah libatkan diri dalam mana—pesta yang dianjurkan oleh orang luar?

SM : Oh banyak (sambil ketawa), sangat banyak. Banyak, sangat banyak. Waktu tu waktu saya di Indonesia banyak, waktu saya di Semenanjung pun banyak, waktu saya di Sabah [Malaysia] pun banyak.

SNR : **Oh okay.**

SM : Jadi saya berfestival yang di Singapore, di Thailand, di Indonesia jangan ceritalah. Ada juga sampai di Amerika, sampai di Sudan. Banyak sekali, banyaklah. Yang festival itu sangat banyak. Yang paling banyak di Indonesia lah kalau untuk di situ banyak sekali.

SNR : **Jadi mm-hm**

SM : Yang kita semua selalu kerjasama.

SNR : **Oh okay. Jadi paksu suka untuk, paksu lebih suka dari kita buat persembahan ke pertandingan?**

SM : Saya lebih suka persembahan. Saya tidak suka pada pertandingan (sambil geleng kepala). Saya tidak percaya kepada kemenangan.

SNR : **(ketawa kecil) Biasanya kalau persembahan itu, paksu selalu sertai di mana?**

SM : Kalau untuk *survive* [hidup] untuk cari makan, saya boleh layan di mana aja lah, tempat orang kahwin janji dibayar. Tapi sebetulnya saya lebih suka berkarya di satu tempat yang memang panggung—pementasan Istana Budaya tempat itu selalu saya membuat persembahan waktu saya di Kuala Lumpur [Malaysia] atau di mana juga lah. Tapi itu saya suka yang ada tempat di mana penontonnya memang khas dan dia datang untuk menonton hasil karya bukan sekadar menonton biasa—saja.

SNR : **mm-hm (sambil angguk kepala) macam, untuk yang kita, untuk orang buat tahu pasal tarian piring ini, paksu buat cara apa untuk mempromosikan tarian piring ini supaya dikenali ramai?**

SM : Saya waktu—sekarang mungkin tidak seaktif mungkin sebab keperluan tarian piring di Sabah itu tidak sama seperti waktunya saya di Semenanjung. Dia punya ini selalunya saya buat bengkel. Bengkel—yang dianjurkan oleh JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] ataupun Jabatan Kebudayaan Negeri Sembilan atau tempat—lain mereka berminat pada tarian piring. Tapi salah satunya sendiri

saya juga berkarya, berkarya dengan menggunakan tarian piring dan masukkan dalam *Youtube*. Kamu boleh cari di *Youtube*.

SNR : **Oh okay.**

SM : Judul baru saya namanya 'Atur'. Itu yang terbaru.

NFAAA : **(sambil angguk kepala) _ _ _ _ _**

SM : Penampilannya-- sangat baru. Sangat kontemporari.

NFAAA : **Okay ada tak anugerah yang paksu pernah capai dalam bidang untuk tarian piring ini?**

SM : Kalau anugerah khas untuk piring, saya menjadi peserta paling ligat dan terbaik waktu itu waktu saya pengerusi kursus di Cheras [Selangor] tahun tujuh puluh sembilan [1979]. Selebihnya saya mengikuti sebagai penari biasa. Tidak ada khusus untuk tari piring tapi kerana khusus untuk tarian piring, saya menjadi peserta yang terbaik ketika itu. Tapi selebihnya saya mengikut kelas sebab itu sebahagian dari kelas saya di Indonesia, kemudian menjadi sebahagian daripada tarian piring itu sebagai untuk cari makan dan buat *show* [persembahan] di mana—tempat. Saya mengajar pun dengan tarian piring, begitulah.

NFAAA : **Macam dari kami punya kajian, kitorang dapat tahu yang paksu pernah dinobatkan sebagai Tokoh Tari Sabah.**

SM : Yep, betul (sambil angguk kepala).

NFAAA : **Apa perasaan paksu masa dapat benda tu?**

SM : Saya pastinya bersyukurlah tapi bukan menjadi sasaran kerana saya berkesenian untuk bukan mendapat anugerah tetapi mendapat ilmu pengalaman dan menjadikan ilmu pengalaman bahagikan. Itu tetapi kemudian mendapat anugerah itu saya anggap sebagai rezeki bonus saja.

NFAAA : **Ada pencapaian tertinggi yang pernah paksu capai tak? Yang paling macam menjadi *effect* [kesan] dalam diri lah?**

SM : Saya punya impak besar itu saya menjadi penari. Penari mm-hm rutin bukan tetap, rutin di Istana Presiden Indonesia selama lapan [8] tahun dan saya menjadi penari solo di New York dan itu waktu itu saya buat bengkel dan persembahan dengan

Dr. Anis di New York dan San Fransisco. Itu pencapaian buat saya paling besar kerana saya membuat tarian ngajat dan ketika itu bukan macam inilah. Badan saya masih *slim* [kurus] boleh nampak kental yang dahsyat itu. Itu buat saya itu pencapaian besar sebagai penarilah kepenarian saya selain karya—saya lah tapi kalau sebagai penari, waktu saya merasa untuk masuk Istana Presiden [Indonesia] itu bukan senang. Orang Indonesia pun belum tentu tapi saya sebagai pelajar Indonesia warga asing, tapi saya berada di sana lapan [8] tahun (sambil menunjuk jari bentuk lapan) untuk membuat persembahan sehingga dari segi pengurusan sampai presiden Indonesia pun mengenal saya melalui persembahan di Istana Presiden [Indonesia]. Satu di waktu saya di Amerika itu kerana saya mengikut dengan Dr. Anis, dia membentangkan tarian _ _ _ _ _ (gangguan bunyi telefon) saya mempersembahkan dalam bentuk tradisi dan juga karya baru.

NFAAA : Jadi secara kasar, berapa pencapaian atau anugerah yang paksu dah dapat sampai sekarang?

SM : Kalau saya kira anugerah luar dari Sabah, yang satu tu pun dari Sabah dari Utusan Borneo tapi itu pun anugerah kerana mereka me- mengikonkan saya sebagai penari dan koreografer di Nusantara jadi itu buat saya tidak bersijil tetapi sebagai penulis, pengkritik dia meletakkan nama saya di situ. Anugerah Tokoh Sabah itu saya dapat dua [2] kali.

NFAAA : Melalui apa yang kami jumpa, dekat Facebook, Kaba Festival, ada penglibatan paksu sebagai koreografer utama dengan Suhairin Kadir dalam festival itu?

SM : Ya. Saya sebetulnya bukan dengan Kadir, ini dia punya poster itu masih ada (sambil bangun dan tunjuk poster yang tergantung di dalam pejabat)

NFAAA : Ha aah (sambil angguk kepala)

SM : _ _ _ _ _ tapi dia bukan mungkin maklumat itu salah. Waktu Kaba itu saya bukan dengan Suhairin tapi dengan pelajar—yang lain (sambil duduk kembali di kerusi). Mungkin maklumat itu salah, jadi saya bawak pelajar—UMS [Universiti Malaysia Sabah] dan salah satu karya saya itu, saya buat tarian di situ dan membawa pelajar membawa karya mereka untuk mempersembahkan di Kaba Festival itu di Padang [Indonesia] pada tahun berapa ya lupa tarikhnya.

NFAAA : 2018

SM : Ya 2019. Nan Jombang punya festival.

NFAAA : Boleh paksu cerita lagi tak tentang festival itu?

SM : Festival itu menarik sebab dia dikendalikan oleh sebuah kumpulan, kumpulan yang bukan kerajaan tapi hanya sebuah kumpulan yang berdiri sebagai NGO [Non-Governmental Organization] dan mereka mempunyai semangat ini untuk terus memperjuangkan kehidupan seni persembahan di Indonesia dengan cara mereka mencari tajaan yang tidak mudah tetapi juga berhasil tetapi memanggil kumpulan—yang berada di Indonesia dan berada di luar. Waktu itu kebetulan wakil dari luar hanya saya dari Malaysia, saya wakil Malaysia. Jadinya dengan begitu saya wakil dari Malaysia. Tapi sangat menarik kerana kita nampak bagaimana kumpulan—itu ada ruang peluang menampilkan kreativiti mereka dengan nilai budaya yang berbagai. Ada yang berpasangan contohnya (gangguan bunyi telefon) , ada yang kontemporari, ada yang tradisi, ada yang menari silat dan macam—lagi. Tu saja (sambil angguk kepala).

SNR : mm-hm okay. Kalau dari segi penari pulak, adakah, apa kriteria khas yang ditetapkan oleh paksu semasa nak cari penari itu?

SM : Saya cari penari yang mahu belajar (gangguan bunyi telefon). _____ saya dari dulu saya tidak setuju dengan penari yang mesti cari yang tinggi. Itu dulu. Mungkin kefahaman ketika itu mahu penari yang rata (sambil tunjuk tangan gaya rata) jadi mesti lima kaki [5] langit tinggi, lima [5] empat [4], lima [5] dua [2]. Saya tidak percaya itu setelah saya belajar lebih dalam secara intensif di Indonesia. Saya percaya yang namanya sama rata itu bukan tinggi rendahnya, tapi kualiti gerakanya yang harus sama. Bukan tinggi rendah (sambil tunjuk gaya tinggi rendah). Jadi saya tidak percaya kepada orang tinggi atau rendah jadi lebih kepada bagaimana tubuh itu boleh bergerak sama, bukan tingginya. Jadi kalau mahu tinggi kita ambil pemain *basketball* [bola keranjang] semua. Jadi kalau itu pemain kan tinggi. Itu fasa—yang saya tidak masalah. Sebetulnya saya suka penari yang lebih macam di Sabah [Malaysia]. Dia ada pendek—(sambil tunjuk gaya pendek) semuanya tapi badan dia itu unik sampai bila dia bergerak dia akan lain dengan penari yang lebih tinggi. Jadi kriteria saya, dia mahu belajar dan rajin belajar. Itu saja.

SNR : Paksu bagi kriteria tu sebab supaya dia boleh fokus dalam tarian tu ke ataupun macam mana? Kenapa paksu tetapkan ciri—tersebut?

SM : Ciri-cirinya mesti dia rajinlah kerana mahu jadi penari tidak semudah yang dibayangkan. Dia tidak hanya menghafal kira satu sampai lapan, pusing kiri pusing belakang. Tidak. Menjadi seorang penari harus punya disiplin sama seorang atlet lari, *stretching* [meregangkan], disiplin, fokus, keseimbangan tubuh, keseimbangan sesama kawan. Itu salah satu *training* [latihan] yang banyak, banyak sangat. Untuk menjadi penari itu susah, tidak semudah. Kalau menyanyi kita dengar, bunyi dia kan bagus atau tidak bagus tapi penari kita akan melihat dari mata sejauh mana tubuh itu dapat dimanfaatkan dimenarikan dengan baik. Jadi soal tinggi rendah, itu tiada isu. Kerana dengan orang Asia macam kita orang Melayu, mana ada tubuhnya lampai. Kalau ada lampai pun dia tak jadi penari. Jadi paling tinggi pun lima dua, lima tiga. Laki—lebih. Tapi saya tidak hairan dengan tinggi rendah. Saya tak hairan.

SNR : Oh okay. Jadi berapa jumlah penari yang akan turut serta semasa pertandingan dengan persembahan?

SM : Tergantung keperluan, tidak ada syarat (sambil geleng kepala). Kalau—memang dalam persembahan itu, suatu ruang macam Istana Budaya (gangguan batuk) ada kira mesti ruangan besar, ada penari ramai, bukan (sambil geleng kepala). Kamu harus isi kapasiti menurut koreografer itu. Misalkan istana budaya sebesar itu lapangannya, mungkin saya akan bawa lima [5] orang sahaja atau dua [2] orang atau empat [4] orang, tiga [3] orang atau saya boleh bawa lima belas [15] orang tergantung dari segi koreografinya. Saya mahu lihat adalah, apa pencapaian ingin saya capai daripada koreografi itu bukan *spaceny* [ruang] yang saya lihat. Jadi, kalau—luasnya kita kasi banyak, itu bukan pertimbangan yang bagus selalu untuk saya. Bukan itu untuk diisi—orang tetapi diisi oleh estetika gerak tarinya.

SNR : Jadi dalam tempoh masa latihan itu, berapa lama persediaan seorang penari tu dia perlukan sebelum pertandingan atau persembahan? Maksudnya kalau setiap kali pertandingan atau persembahan, berapa lama tempoh buat latihan tu?

SM : Itu tergantung disiplin masing—lah. Menurut kalau saya, kalau kami di Indonesia, kami punya disiplin enam [6] bulan untuk menyiapkan sebuah satu persiapan persembahan tapi mungkin di Semenanjung dalam tiga [3] bulan, empat bulan [4] tapi tidak ada namanya sebulan. Akan lebih dari itu sebab mempersiapkan penari, mempersiapkan koreografi, mempersiapkan kesatuan dalam satu persembahan itu

mengambil waktu yang lama, belum lagi kalau kita bekerja dengan karya muzik baru, kostum baru, *lighting* [pencahayaan] *designer* [pereka fesyen] yang baru, jadi ambil waktu lama untuk menyesuaikan apa saja yang sebab dalam persembahan, yang besar bukan hanya gerak tari saja yang menjadi penting, tetapi apa saja penting termasuk menjadi pengurusan seni, penjualan tiket, *promotion* [promosi] itu banyak. Jadi itu banyak.

SNR : Jadi selain tadi paksu cakap seorang penari itu perlu ada ciri—rajin dan berdisiplin untuk mahir dalam sesuatu tarian itu, apa lagi elemen lain yang paksu rasa perlu ada bagi seorang penari itu?

SM : Saya tidak ada lain (sambil geleng kepala). Kamu rajin saja. Jadi kalau mahu bilang bakat, itu boleh diasah. Tapi kalau kamu berbakat tapi malas, akhirnya bakat itu akan luntur. Tapi orang yang tidak pandai menari tapi rajin, makin lama dia akan minimal, dia akan ada satu titik tanda tangga untuk dia berubah dan menjadi lebih baik. Tapi kalau dia berbakat, tapi malas tidak disiplin, dia akan tidak menjadi penari yang baik. Jadi buat saya rajin. Saya—punya ini simple saja.

SNR : Jadi kalau untuk dapatkan penari contoh penari untuk dalam persatuan paksu ataupun penari pertandingan itu, macam mana paksu ambil penari itu? Dari mana paksu ambil penari itu?

SM : Sebab biasanya saya ada penari sendiri ataupun saya akan bukak, kalau perlu saya akan ada *audition* [uji bakat], saya akan ada *audition* [uji bakat] untuk melihat sejauh mana kekuatan dan kelemahan penari itu sebab untuk menghasilkan sebuah karya atau pertandingan, kita memerlukan sebuah *team* [kumpulan] yang kuat. Yang kuat itu tidak hanya kepada kemahiran menari, tetapi kemahiran dalam bekerjasama. Itu juga lebih penting. Tanpa kerjasama itu, dia akan menjadi lemah sebab dia akan menjadi terlalu egois di dalam dia akan merosakkan. Saya tidak suka kepada primadona di dalamnya. Dia harus menjadi satu persatuan.

NFAAA : Tadi paksu ada cakap dalam macam Istana Budaya [Kuala Lumpur], paksu akan bawak dalam lima orang untuk menari. Bukan biasanya tarian piring ni dia dalam satu *group* [kumpulan] ramai?

SM : Tak mesti. Siapa-- bilang--?

NFAAA : (ketawa kecil) (menggeleng)

SM : Jadi bila ada peraturan hukum yang menyatakan tari piring harus ramai kamu boleh buat dia jadi dua [2] orang. Kalau itu misalkan kita buat menari itu di depan pengantin kan? Dua [2] orang itu _____ ikut kesesuaian lah. Tapi kalau dia mahu _____ dalam padang contohnya itu sudah berlaku. Kita buat di Negeri Sembilan [Malaysia]. Kita buat dua ratus [200] orang atau lima ratus [500] orang itu keperluan. Kita menari massal [tarian] namanya tarian massal [tarian] ramai-ramai itu. Kita buat lima ratus [500] itu atas keperluan itulah supaya nampak *formation* [formasi] nya. Mungkin kita taruk lilin, lilin yang pakai bateri matikan lampu jadi lilinnya- itu adalah koreografinya. Tapi kalau untuk ruang itu tidak mesti- kalau di Istana Budaya [Kuala Lumpur] saya mahu buat lima [5] orang macam saya buat mm-hm waktu saya buat di KLPAC [Kuala Lumpur Performing Arts Centre] itu bukan sahaja boleh menari empat orang. KLPAC [Kuala Lumpur Performing Arts Centre] itu besar (NFAAA mengangguk) tempat yang bagus tapi saya buat empat [4] orang je.

NFAAA : Okay faham. Mm-hmm tarian piring dia ada kostum dia tersendiri tak?

SM : Ada. (NFAAA mengangguk) Tari- kalau- seca- secara -- tradisi -- ya itu mesti menggunakan seluar sebab asas pencaknya itu pencak silat. Jadi dasarnya itu memang ditarikan hanyalah lelaki tapi masa kini itu juga diperkenalkan dan juga tari perempuan juga mempelajarinya tapi asalnya memang menggunakan seluar panjang, khususnya tari-- mm-hm *celana* [seluar] -- silat yang namanya galembong. Itu *celana* [seluar] yang -- ada besar --.

NFAAA : Jadi mm-hm apa *material* [bahan] kain yang diorang biasa guna untuk baju tu?

SM : *Cotton* [Kapas]. Dia hanya menggunakan kain cotton [kapas] hitam. Kadang-kadang itu kalau yang daripada Ibu Sufyani [guru tarian] ada warna merah itu tergantung pilihanlah baju tapi seluar akan tetap- saya tunjukkan eh (bangun dari kerusi) (bunyi geledah cari barang) Ini -- kebetulan ada di -- dalam bilik saya. Ini adalah celana silat (mengangkat dan menunjukkan seluar) ini galembong [seluar pencak silat] namanya _____ *kerna* [kerana] ini adalah- ini untuk *celana* [seluar] silat di sini ni untuk supaya jangan koyak dan ini bila _____ ini biasanya untuk randai [tarian] pun menggunakan ini, silat pun ini, tari piring pun ini. Ini namanya- ini seluar ini namanya galembong [seluar pencak silat] --.

NFAAA : Biasanya kostum tu ada maksud dia tersendiri tak?

SM : (berfikir) (menggeling) Takda.

NFAAA : Takdelah. Memang takde.

SM : Pakaian itu lebih kepada orang *bilang* [cakap] lebih kepada untuk pakaian -- untuk keperluan menari yang berkait dengan sejarahnya ialah pencak silat. _____ pencak silat itu untuk memudahkan kita untuk bergerak, dia adalah- tapi ciri khas kepada kemelayuan itu tanjak [aksesori orang Melayu], sampin [pakaian orang Melayu] sebab walaupun dia Minangkabau terasnya kan Melayu. Tanjak [aksesori orang Melayu] kemudian perem- laki-lak- perempuannya kadang-kadang kalau untuk yang tari Mela- ada yang menggunakan suntiang – [aksesori kepala] bunga goyang itu ataupun rumah gadang [aksesori kepala] itu semua. Itu semua perlambangan budaya dia lah. (mengangguk)

NFAAA : Biasanya baju-baju untuk persembahan, pertandingan semua tu ada tempat khas untuk tempah tak?

SM : Ada (mengangguk) Kalau -- di -- semenanjung [Malaysia] memang banyak di Indonesia _____ memang ada. Mereka memang ada sewa kostum untuk tari-tarian Minangkabau. Itu di kawasan Minangkabau punya komuniti yang kuatlah ataupun orang yang _____ punya pakaian. Di semenanjung [Malaysia] banyak (menggeling) di Sabah tidak adalah kerana itu bukan budaya mereka.

NFAAA : Jadi baju-baju yang dipakai tu memang sentiasa tetaplah?

SM : Ada (mengangguk)

NFAAA : Oh memang tetap.

SM : Tapi -- dalam sebuah kreatif baru ada juga orang tidak meletakkan baju tradisi sebagai itu- contohnya macam saya punya karya itu kan menggunakan *celana* [seluar] pencak silat tapi saya -- buka -- baju -- hanya me- hanya untuk _____ pada dasarnya dalam berpencak tidak mesti pakai baju. Ha itu _____ tapi kekuatan fiziknya untuk dilihatkan untuk lelaki lah perempuan tetap pakai baju. Tapi bajunya pun saya menggunakan *T-shirt* [baju T] yang tangan pendek untuk perempuan tapi *celana* [seluar] pencak tetap menjadi -- ini menjadi dia punya ciri khas.

kekuatan spiritual, kekebalan. Itu -- hanya untuk melihatkan kekaguman tapi dari estetika tari dia tidak menjadi sebahagian daripada tari tu sendiri, dia hanya untuk menambah tapi itu bukan kemestian tapi kebanyakan dari itu -- kebanyakannya ada -- di -- Minangkabau --. Untuk kita biasanya- atau di Negeri Sembilan ada juga gunakan kaca -- itu tapi itu hanya untuk menambah kekaguman bahwa- pijak- sebab tari- isunya adalah tari piring bukan *minjak* [pijak] tari kaca. Isunya _____
_ tari piring tapi imbang piring itu yang penting, pijak kaca itu hanya sebagai- macam sekarang dalam tarian magunatip dia menggunakan api. Bukan tarian api itu yang penting magunatip [tarian] tu yang penting (mengangguk).

SNR : Mm-hm jadi kalau dalam tarian piring ni mestilah piring tu sendiri yang penting untuk melakukan tarian tu. Ja- maksudnya- maksud- macam mana cara untuk kita pilih piring tu sendiri? Apa yang- macam mana bentuk piring tu- material jenis apa piring tu *and* [dan] _____ apa perlu ni- perlu guna?

SM : Dia- tarinya- piringnya mesti berbentuk -- lengkung -- dan mudah untuk kamu pegang itu satu (bunyi getaran telefon) dan sebaiknya dia adalah dibuat- piring kaca- bukan kaca- ini (berfikir) yang Cina punya piring yang kecil-kecil.

NFAAA : (mengangguk)

SM : Dia lebih berat lebih bagus sebab lebih berat dia akan lebih berimbang. Saya tengok ada ka tidak (bangun dari kerusi) (bunyi menggeledah barang) Tak ada dalam bilik saya (duduk di kerusi) biasanya ada tapi ini tari piring dia agak kecil begini saja (tangan menunjukkan saiz piring) kalau besar pun tidak bagus jadi yang sedang yang ma- mudah untuk ditampung di tangan. Tapi biasanya dari seramik, dibuat daripada seramik Cina itu yang selalunya ada -- cap ayam. Itu biasanya kalau cari di kedai-kedai Cina itu biasanya kalau waktu pelajar di ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] saya suruh mereka cari di -- Chow Kit [Kuala Lumpur]. Tempat jual piring itu carilah tapi yang ba- bagusnyanya ada dia punya punggung itu supaya kita letak dia akan mm-hm menampung dan sebetulnya- salah satu cirinya adalah jangan dipegang tapi ditampung (bunyi getaran telefon). Bila ada licin ada peluh, jangan dilap sebab peluh itu akan menjadi semacam gam di dalam tangan dan *positioning* [kedudukan] tangan tu- piring tergantung tangan itu. Ada yang bagusnyanya di tengah, ada yang di tepi. Kadang-

kadang tubuh itu tidak sama jadi yang penting piring itu jangan jatuh itu -- keutamaannya.

SNR : Mm-hm jadi kalau pelajar ataupun penari-penari tu nak dapatkan piring boleh beli dekat kedai Cina ke yang jual tembikar?

SM : Ya (mengangguk)

SNR : (mengangguk) Oh banyak dekat kedai Cina lah?

SM : Ya -- kedai-kedai lama tu akan banyak tu ataupun kedai-kedai yang menjual untuk katering ada -- masih ada lagi yang lama-lama.

SNR : (mengangguk) Oh.

SM : Tapi jangan terlalu besar itu akan lebih susah. Memang khasnya sederhana saja. Tapi tidak bagus untuk kita menggunakan piring yang kaca yang *transparent* [jernih] ataupun kita menggunakan piring plastik. Plastik itu kalau kau pegang begini dia akan terbang lagi berat lagi bagus lebih menampung (menemukan kedua tapak tangan berulang kali) dia akan lebih menampung di -- atas tangan.

SNR : Kalau nak beli peralatan ataupun kostum tu _____ akan keluarkan duit -- sendiri ataupun akan ditampung sepenuhnya dalam -- tarian tu sendiri- dalam latihan tu? (SM menyampuk) Ke mereka kena beli sendirilah kiranya?

SM : Memang beli sendiri (mengangguk) pada -- dasarnya -- untuk latihan tari piring mesti ada *celana* [seluar] silat itu. Itu dasar supaya mereka mengenal tentang mm-hm apa- ruang gerak tarian dan tubuhnya itu kenal dengan kostum itu tapi kalau dalam persembahan memang kita akan beli sendirilah, itu tanggungjawab. Macam saya ada kumpulan saya sendirilah kalau ada kumpulan persatuan atau universiti itu cu- cuma kita memohon kepada institusi itulah untuk menyediakan- atau jabatan (mengangguk).

SNR : Jadi kalau untuk kumpulan sendiri tu mm-hm paksu dapatkan sumber kewangan untuk buat kostum tu semua daripada mana?

SM : Saya -- mungkin boleh- dari hasil persembahan-persembahan yang saya buat kutipan itu saya gunakan dan itu sendiri saya bagikan khas untuk kostum sebab kostum itu adalah menjadi sumber daya tarik dan kita mesti melengkapkannya supaya persembahan kita _____ bagus. Jadi kalau setiap ada persembahan saya

akan *sisihkan* [ketepikan] untuk memang khas- untuk kostum. Berapa *percent* [peratus] masukkan itu supaya menambah kostum yang kurang.

NFAAA : Jadi -- untuk bahagian muzik pula biasanya apa muzik yang digunakan bila mm-hm mempersembahkan tarian piring?

SM : Mm-hm (berfikir) dia pada dasarnya- kalau -- tradisi -- Minang dan itu sama Negeri Sembilan dia menggunakan caklempong [alat muzik]. Tahu- pernah dengar nama caklempong [alat muzik]? Kan? Dia ada yang gereteh [alat muzik] ada yang menggunakan melodi tapi ada yang namanya caklempong pacik [alat muzik]. Pacik [alat muzik] itu akan berpegang begini dua (membuat bunyi memukul alat muzik).

NFAAA : Mm-hm (mengangguk)

SM : _____ Ada juga yang dipukul dengan menggunakan alat muzik yang lengkap iaitu dia menggunakan melodi. Lagu Minang lah khas untuk piring (membuat bunyi memukul alat muzik) Itu memang lagu Minang lah. Itu dia menggunakan caklempong [alat muzik] dan juga tambo [alat muzik] itu tradisinya lah tapi asalnya itu memang caklempong pacik [alat muzik] itu aja. Itu yang menjadi asasnya pun.

NFAAA : Oh jadi biasanya macam mana paksu pilih muzik untuk persembahan?

SM : Tergantung tarian saya untuk apa kalau tarian saya untuk yang lebih -- kemelayuan saya akan pilih yang berme- bermelodi lah tapi kalau dalam bentuk yang macam tari- tari piring saya yang daripada solo yang lebih daripada pergunungan saya akan ambil yang pacik [alat muzik] itu lah. _____ kerana itu tidak menggunakan melodi tetapi hanya ada harmoni bunyi tambo [alat muzik] ada -- (gerakan meniup) salwar [alat muzik] ada pupuik [alat muzik].

NFAAA : Okay jadi bila ada persembahan atau pertandingan tarian piring tu ada orang lain yang akan main benda tu? Ataupun guna daripada kaset je?

SM : (berfikir) dua-dua (menggeleng) boleh-

NFAAA : Dua-dua (mengangguk)

SM : Jika ada berkemampuan kita akan bawa *live music* [muzik secara langsung] kalau tidak kita hanya menggunakan rakaman. Boleh dua-dua (mengangguk)

NFAAA : Oh jadi dalam pemilihan muzik -- tu -- dia ada lirik dia sekali atau hanya alunan muzik?

SM : Dia -- ada -- melodi -- dan biasanya- mm-hm ada juga lagunya memang lagu tradisional Minang tetapi itu dilagukan dengan caklempong [alat muzik] yang lengkap lah tapi ada juga yang menggunakan pacik [alat muzik] tu. _____ pacik [alat muzik] tu _____ menggunakan itu saja yang menggunakan antilog saja.

NFAAA : Jadi muzik itu ada maksud dia tersirat tak? (SM berfikir dan menggeleng) Ke memang *just* [hanya] guna je?

SM : _____ muzik untuk pengiringan itu sebetulnya- kadang-kadang lagu-lagu itu adalah salah satu kesenian alat muzik kesenian tradisi yang dimainkan untuk menghibur- untuk hiburan kemudian ada lagu yang sesuai untuk tari piring dan mereka menarikan tari piringnya.

NFAAA : Jadi apa yang paksu tahu- biasanya lagu ni dipilih- adakah lagu tu paksu macam- mm-hm cipta dengan komposer ke ataupun hanya pilih dari internet ke?

SM : Tak, lagu tu memang kalau tradisi memang sudah ada lagu itu jadi kadang-kadang mereka ada yang tidak menggunakan caklempong [alat muzik] tapi dia menggunakan alat muzik pop misalkan keyboard [alat muzik]. Jadi dapatkan melodi itu pun- jadi menggunakan itu pun- ataupun menggunakan aquarian [alat muzik], menggunakan *violin* [biola] tu- tapi lagunya masih sama (membuat bunyi melodi lagu) tapi mungkin menggunakan *violin* [biola] pada asasnya itu ini- tapi kalau tradisi dia memang akan menggunakan lagu tradisi lah, melainkan ada satu koreografi baru, ciptaan baru, dia akan ciptakan muzik khas untuk tari piring itu- karya itu.

NFAAA : Faham. Tu je lah.

SNR : Okay sepanjang pengalaman paksu dalam bidang ni, apa sumbangan yang terbesar paksu pernah sumbang kepada masyarakat?

SM : Sebab- sumbangan saya sebetulnya, secara *sadar* [sedar] atau tidak *sadar* [sedar], belajar menari itu sudah menyumbang kepada masyarakat dalam melestarikan nilai-nilai seni budaya. Itu seca- secara dasarnya pun sudah ada. Apa lagi kalau itu

saya menarikan di khalayak ramai, saya mewakili daerah, saya mewakili negeri, saya mewakili negara dan saya kemudian melatih, mendidik anak bangsa di dalam kesenian, itu sebetulnya- itu sudah sumbangan kepada masyarakat. Masyarakat dalam pengertian masyarakat seni ataupun masyarakat kepada budaya yang saya pelajari itu, contohnya saya belajar tari sumazau [tarian], itu pada Kadazan-Dusun [etnik di Malaysia] sudah saya menyumbang sesuatu maklumat terhadap keunikan, kekayaan tradisi itu sendiri, kepada khalayak ramai.

SNR : Macam- kami ada jumpa *YouTube* [laman web perkongsian video] paksu dekat *YouTube* [laman web perkongsian video] lah, yang paksu menceritakan pasal diri, pengalaman, semua jadi menurut paksu, macam- melalui video yang paksu buat tu, boleh menjadi sumber rujukan dekat masyarakat kini lah untuk mendalami lagi, untuk mengetahui pasal tarian piring dan sebagainya.

SM : _____ (suara tersekat-sekat) (internet terputus)

Dengan ini, tamatlah sesi temubual sejarah lisan sesi pertama mengenai bidang seni warisan bersama Tuan Suhaimi Magi atau Paksu. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Sekian, terima kasih.

SESI 2

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni tarian piring. Bersama-sama kami ialah Encik Suhaimi Magi atau dikenali sebagai Paksu yang merupakan seorang koreografer dan penari terkenal di Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 28 Mei 2021 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 8 malam secara maya di Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Siti Nazira binti Rosli dan juga Nurul Faten Adila binti Abd Aziz. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

NFAAA : Boleh tak nak tanya? (tersenyum) Nazira, boleh tak nak tanya? (SNR tersenyum) Paksu -- ada bagitahu yang paksu- dia banyak tarian kan? Yang Paksu terlibat kan? Kalau dekat UMS [Universiti Sabah Malaysia], setiap mm-hm (berfikir) setiap kumpulan yang Paksu ajar tu lain-lain tarian atau hanya satu [1] je?

SM : Lain-lain. Tergantung macam silibus lah- macam kamu di kelas. Di kelas semester tahun satu[1] , tahun dua [2] , tahun tiga [3] jadi, subjek misalkan tahun satu [1] , kita asas seni tari. Kemudian, teknik tari. Kemudian, kita kan- dalam itu kan pendidikan seni jadi saya mengajar tahun satu , tahun dua [2] , tahun tiga [3] begitu dan kemudian kadang-kadang saya bimbing pelajar Master [Ijazah Sarjana], begitu.

NFAAA : Mm-hm (mengangguk) jadi, tiga [3] tahun tu ada enam semester?

SM : Ya (mengangguk) jadi, (bunyi notifikasi telefon) kemudian kita ada -- kan silibus itu misalkan kita ada tarian tradisi. Tarian tradisi itu kita utamakan tarian Sabah lah. Kita ambil tarian Sabah (berfikir) tapi juga- saya kenalkan tari Melayu lah. Tari Melayu yang memang saya fikir perlu sebagai itu- sebagai tari kebangsaan yang dipelopori oleh KBN [Kompleks Budaya Negara] pada tahun 1966 begitu dari _ _ _ _ _ begitu jadi asas itu perlu diterapkan ke pelajar sebagai panduan asas sebelum dia mempelajari tari Melayu yang dari pelbagai daerah tapi tari- kita panggil itu tari kebangsaan, Inang [tarian] juga Zapin [tarian], Asli [tarian komuniti Asli] begitu. Itu memang- kadang-kadang saya ajarkan mereka tari Indang [tarian] juga, supaya ada vokabulari, tidak hanya tertumpu kepada bentuk tari Sabah saja supaya pengetahuannya agak lebih berbagai.

NFAAA : Mm-hm (mengangguk)

SNR : **Okay sambung sumbangan tadi. Paksu ada tak bahan terbitan khusus yang- dalam tarian piring ni, yang boleh menyumbang kepada seni kebudayaan negara, macam Paksu ada keluarkan satu buku ke, apa ke?**

SM : Saya -- fikir (bunyi getaran telefon) kalau bercerita pasal sumbangan yang berkait dengan negara, sebetulnya tugas saya mengajar di (bunyi notifikasi telefon) ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] itu pun adalah tugas untuk negara sebab kita sudah melatih generasi, menerapkan, memperkenalkan dan mempelbagai. Kemudian, saya sendiri secara peribadi, secara intensif, saya melakukan beberapa bentuk karya yang berpasak kepada tari piring, dalam beberapa versi lah tapi itu -- memang -- bukan lagi menjadi satu bentuk tradisi lah kerana itu adalah tafsiran saya, koreografi baru. Saya tidak tahu apa itu menjadi negara atau bukan, yang penting, saya kira karya itu sendiri sudah memberi impak kepada pembangunan seni (bunyi getaran telefon). Saya kira itu sudah memberi sumbangan besar dan saya fikir seutuhnya kita harus mengajak generasi untuk mempelajari tarian tradisi secara intensif- saya menggunakan sistem macam ni, mem- memperdalam -- dan dalami lah tarian tradisi itu se-- *detail* [terperinci] mungkin, sedalam mungkin tapi tumbuhlah kamu dalam satu gaya baru, menurut tafsiran masing-masing jadi kita versinya semacam kita tabur (bunyi getaran telefon) benih jagunglah. Tabur, setiap satu biji itu dia akan melahirkan satu pokok dan satu pokok tu boleh melahirkan beratus _ _ _ _ _ menjadikan ribu biji baru. (mengangguk) Macam tu.

SNR : **Okay. Macam yang *YouTube* [laman web perkongsian video] paksu tu, kiranya tu boleh jadi sumber rujukan lah kepada masyarakat mengenai tarian piring tu?**

SM : Silakan. Kalau saya -- fikir -- kalau *YouTube* [laman web perkongsian video] itu kan sebetulnya lebih kepada semacam, kita menyimpan data. Saya punya lebih- itu menyimpan data supaya- saya peribadi- punya senang. Koleksi saya -- cari di *YouTube* [laman web perkongsian video]. Orang lain kalau mahu berminat, ayuh silakan. Tapi saya tidak pernah memikirkan bahawa itu- supaya kamu merujuk situ, tidaklah. Saya -- orang yang *simple* [mudah] aja. Tidak mahu bermegah dengan itu tapi saya fikir kalau itu bermanfaat, silakan. Sebab masih banyak juga tarian-tarian piring baru yang diciptakan oleh pelajar-pelajar saya. Saya kira itu adalah sesuatu

yang membanggakan saya sebab dari apa yang saya buat itu menjadi suatu perbandingan lain bahwa pelajar saya yang pernah belajar dengan saya di ASWARA [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] mencipta suatu yang lain lagi. Itu- buat saya itu -- bagus --. Percikan ilmunya berkembang.

NFAAA : (mengangguk) Faham. (berdehem) Jadi, (bunyi getaran telefon) mengikut pandangan Paksu, apa yang Paksu harapkan untuk kekalkan tradisi seni kebudayaan tarian piring?

SM : Saya fikir kalau untuk kekalkan, harus dikekalkan sebab itu adalah nilai bangsa. Sebab tari tidak hanya dilihat kepada gerakannya saja. Tari itu kalau mahu dilihat kepada gerakannya kita tidak perlu mempelajarinya untuk pergi mencari guru, kita hanya cari di *YouTube* [laman web perkongsian video], kita tiru. Saya kira bukan begitu caranya belajar ilmunya, kita harus melihat bagaimana nilai estetika peradaban belajar tari piring. Contohnya, mungkin -- untuk kamu kan, Nurul, kalau kamu- saya selalu berada di Kampung Beranang [Negeri Sembilan], dulu ada seorang tokoh tari piring, tari randai, *Almarhum* [Allahyarham] Pak Pen [tokoh tarian randai dan tarian piring]. Saya selalu berada di sana dan mereka- dia menggunakan tari piring [tarian], randai [tarian] itu di dalam membangun belia-belia yang ada di Negeri Sembilan [Malaysia] dan dia *sampe* [sampai] ada dua kumpulan yang begitu besar dalam membuat persembahan di Negeri Sembilan [Malaysia]. (bunyi getaran telefon) Tapi sayangnya, tidak berpanjangan. Kalau -- saya fikir dipertahankan, harus dipertahankan *kerna* [kerana] itu adalah nilai seni budaya yang menjadi milik bangsa Melayu. Sama ada itu berteras kepada- kita melihat dia dari pengaruh luar *kerna* [kerana] dari Negeri Sembilan [Malaysia], itu adalah anak kandung kepada Minangkabau [keturunan]- dia sebetulnya tiada isu- sama juga sepertinya kalau kita mempersoalkan tari kuda kepang [tarian], tiada isu sebab itu memang orang Jawa yang membawa tarian Jawa itu ke Johor [Malaysia] dan di situ memang wujudnya perkampungan orang Jawa dan orang Jawa menerapkan nilai budaya *leluhur* [moyang] dia untuk diperkenalkan oleh generasi seterusnya. Saya fikir kalau *bilang* [cakap] harus, memang perlu dipertahankan apapun cara sebab sekarang medium kita lebih mudah sebab kita ada teknologi. Kalau dulu kita -- harus -- mempelajarinya secara -- langsung. Tapi sekarang kalau kita mahu _ _ _ _ _ ada -- pihak-pihak macam JKKN [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] sekalipun kan, _ _ _ _ _ warisan telah merakam- rakam bentuk-

bentuk itu untuk didokumentasikan tapi juga kita ada rujukan yang agak ba- agak -- punya perbandingan adalah pergi ke Minangkabau sendiri sebagai ibu dia, ibu *kandung* [kandung] dia untuk melihat bagaimana *authenticity* [kesahihan] nya sebab tari yang wujud di Minangkabau, bentuknya sudah- dan gayanya sudah *desterilized* [dibinasakan], diubahsuai- menyesuaikan dengan alam Melayu di Malaysia. Tidak sepertimana- contohnya kalau tarian endang [tarian], itu kita berbaris secara bersentuhan bahu. Tapi kalau mungkin di Negeri Sembilan [Malaysia] ada yang menggunakan- dia menggunakan seperti tapak kuda, dia duduk dengan bersila bukan ber- (berfikir) bersimpuh. Macam tu lah (NFAAA mengangguk) penyesuaian -- macam tu, kostumnya juga, kalau Negeri Sembilan [Malaysia] dia menggunakan macam la- (menunjukkan bayangan hiasan dada tradisional) tu kan, (NFAAA mengangguk) di sana tidak, dia tidak -- begitu. Jadi penyesuaian tu adalah- jadi penyesuaian itu penting, adaptasi supaya dia memberikan ciri kan? Minang sebagai ibu, tetap menjadi ibu tetapi anak akan muncul sebagai satu generasi baru yang melahirkan sesuatu imej baru.

NFAAA : Okay jadi, disebabkan banyak pengetahuan dan pengalaman yang Paksu dah dapat, boleh tak Paksu berikan serba sedikit nasihat untuk generasi masa kini kalau diorang nak melibatkan diri dalam tarian piring dan warisan seni?

SM : Saya fikir bukan hanya pada tari piringlah, tapi kalau kita mahu khususkan tari piring (bunyi suara kanak-kanak) itu kerana kebetulan dia menjadi salah satu *repertoire* [acara teater] yang ada di Malaysia. Tapi kalau kamu mahu mempelajari seni bukan kerana kamu ingin mahu menjadi orang terkenal tetapi kesedaran bahawa seni itu adalah menjadi kita punya citra, cerita bangsa. Kalau ada orang (bunyi getaran telefon) berbangga dengan Tom Yam [makanan dari Thailand]. Contohnya kita ambil _ _ _ _ _ ya. Tom Yam [makanan dari Thailand] kita akan tahu, Tom Yam [makanan dari Thailand] apa, Thailand. Ya kan? (SM dan NFAAA tersenyum) Jadi kalau kita mahu melihat Sabah [Malaysia] apa orang terfikir mungkin Sumazau [etnik Sabah] kan? Negeri Sembilan [Malaysia] orang sudah terfikir tentang piring [tarian]. Imej itu memberikan suatu ikon, lambang besar kepada bangsa itu sendiri jadi sebetulnya kalau saya, semakin saya kedepan sana, saya fikir kesenian itu- belajar seni bukan untuk menjadi kamu seorang penari yang hebat, itu akibat. Kalau saya *bilang* [cakap] itu akibat kerana kedisiplinan makanya saya *bilang* [cakap] tadi, kategori- saya punya syarat adalah rajin. Jadi kalau kamu

tekun belajar, kamu akan menjadi ke- mahir dan kau menjadi ahli dan kau akan menjadi orang yang hebat. Kan? (bunyi kucing mengiau) Kemudian bilamana kamu me- menjadi- (bunyi kucing mengiau) belajar kesenian sebetulnya kamu sedang (bunyi kucing mengiau) membentuk jati diri (bunyi kucing mengiau) bangsa. (NFAAA mengangguk) Bang- bangsa yang memiliki jiwa peradaban bangsanya. Contohnya kalau kita misalkan berpakaianlah (bunyi kucing mengiau) kita ambil pakai, kita pakai songkok [aksesori orang Melayu] dengan menari (bunyi getaran telefon) sebetulnya kita sedang menerapkan nilai-nilai peradaban Melayu tu sendiri. Ya kan? Kita- macam mana mengikat sampin [pakaian orang Melayu], pakai galembong [seluar pencak silat], pakai- apa ni- apa- kepala- tanjak.

NFAAA : Tengkolok (mengangguk)

SM : Perempuan yang rumah gadang [aksesori kepala] punya itu semua. Itukan peradabannya tidak hanya kebetulan wujud tetapi diwariskan melalui generasi dan kita mengambilnya sebagai suatu tanggungjawab bahawanya tanggungjawab saya untuk melestarikan. Contohnya sekarang kalau kamu kan- ma- masakanlah- kita ambil contoh kamulah perempuan. Pasti ada sesuatu masakan yang kamu ambil daripada orang tua kamu yang menjadi kebanggaan. Ya kan? (NFAAA mengangguk) Kamu belajar itu bukan sekadar mahu menjadi tukang masak tetapi kamu ada kebanggaan *kerna* [kerana] kamu dapat (berfikir) memiliki suatu budaya, citra rasa daripada moyang, nenek, ibu, kamu, mungkin anak-anak kamu. Itu -- kesenian -- itukan tari itu hanya menjadi sebahagian kecil daripada kesenian itu sendiri dan piring [tarian] itu hanya salah satu daripada *repertoire* [acara teater] itu.

NFAAA : Seterusnya, apakah perancangan Paksu untuk masa hadapan dalam bidang ni- macam Paksu sekarang kan sebagai seorang pensyarah, adakah- macam Paksu nak teruskan sebagai pensyarah atau ada mas- benda lainlah buat- apa tu- Paksu nak melibatkan diri.

SM : Saya sebetulnya (berfikir) kalau pensyarah itu tugas buat saya tapi kalau saya -- menjadi saya punya- ini- masa depan saya adalah tetap menjadi senimanlah, penggiat seni dan sebetulnya saya mempunyai cita-cita, angan-angan dapat membuka (bunyi kaca berlagu) sebuah tapak kebun seni yang betul-betulnya menjadi idaman saya -- sudah- mahu membuat persatuan (bunyi getaran telefon)

dan juga menyiapkan ada sebuah tapak kebun seni yang saya andaikan boleh menjadi- dimana saya dapat menumpukan ekspresi jiwa saya (bunyi getaran telefon), dalam seluruh perjuangan saya ma- saya disitu saya akan menjadi semacam ekopelancongan di situ, ada kehidupan jadi (bunyi getaran telefon) kebun sendiri itu tidak hanya kebun- konsepnya adalah dimana (termenung sebentar) perkebunan itu adalah tempat orang hidup (tersenyum) (NFAAA mengangguk) _ _ _ _ _ tempat orang tinggal dan tempat orang bercucuk tanam, hasilnya itu dijual ke merata tempat termasuk seluruh dunia, pemikiran saya seperti itu. Kebun itu dimana ada kesenian yang membawa nostalgia masa lalu. Itu saya punya *dream* [mimpi] lah sebab saya ada tanah yang agak luas, di atas bukit dan saya -- sedang -- berusaha (bunyi getaran telefon) membersihkannya, saya akan tanam tanaman buah-buahan (bunyi getaran telefon) tapi di situ saya- akan menjadi tempat pertemuan seniman. Di situ ada latihan, saya akan anjurkan festival -- di -- dalam -- hutan -- (bunyi getaran telefon) di situ saya fikir- itu yang kalau kamu tanya *dream* [mimpi], itulah *dream* [mimpi] saya akan datang. Saya harap kamu doakan saya dapat melaksanakannya.

NFAAA : Insya-Allah. (tergelak kecil)

SNR : Amin. Insya-Allah (tersenyum)

SM : Supaya -- generasi dapat merasakan saya punya mimpi itu ternyata jadi nyata (tersenyum) (NFAAA mengangguk dan tersenyum)

SNR : Okay. Sepanjang melibatkan diri dalam bidang ni, (berfikir) apa masalah yang Paksu hadapi?

SM : Masalah sebetulnya (berfikir) masalah itu akan menjadi masalah kalau kita permasalahan. Jadi kadang-kadang saya tidak terlalu mempermasalahkan masalah sebab saya fikir berkesenian itu sudah cukup memamatkan saya, menjadi orang yang kreatif, menepis isu-isu yang saya fikir hanya menghalang saya untuk saya maju dan terus bersikap positif. Saya fikir kalau merasa seperti tidak dihargai, kenapa kita mesti mencari orang menghargai kita, kenapa kita tidak *bikin* [buat] jauh lebih penting, bagaimana kita boleh menghasilkan sesuatu menjadi kebanggaan saya. Jadi tidak perlu mengharap orang menghargai saya tapi bagaimana saya selalu kerja dengan saya tahu itu adalah pencapaian yang bagus dari segi pembelajaran, pengajaran dan berkarya dan kajian-kajian saya. Itu saya

fikir itu akan lebih menarik berbanding kita memikirkan masalah *kerna* [kerana] saya -- tahu masalah itu akan jadi masalah kalau dipermasalahkan.

SNR : Mm-hm (mengangguk) Melalui kami punya kajian dekat internet, ada sesetengah masyarakat ni dia berpendapat bahawa tarian piring ni kurang sopan sebab ada pencampuran antara lelaki dengan perempuan. Jadi- dan kemudiannya zaman -- sekarang ni tarian piring lebih melibatkan penari wanita. Jadi apa pendapat Paksu tentang isu ni?

SM : Saya kira kalau kita mahu (bunyi getaran telefon) hidup berharapkan orang suka, kita tak akan dapat maju. (menggeleng) (bunyi getaran telefon) Sebab kita tidak -- perlu bercerita masalah orang suka, orang mahu atau tidak. Sekarang kesenian itu wujud atas tapak tradisi yang jelas. Takrifnya berasal daripada lingkungan masyarakat. Masyarakat yang menciptakannya dan itu awalnya memang dikhususkan untuk orang beriadah, pencak silat. Dari pencak silat, *keterampilan* [kemahiran] pencak silat itu dengan membawa peralatan, piring. Kemudian, pemberontakan-pemberontakan tarian piring itu bukan hanya wujud di dalam- di Malaysia. Tapi pada tahun sembilan -- belas -- tujuh puluhan [1970], orang Minangkabau sendiri sudah menggunakan pemberontakan- koreografer dan penari Minangkabau sudah menggunakan pencak silat malah tarian piring dalam satu eksplorasi kreativitinya. Saya -- anggap apa juga pendapat, adalah pendapat. Kita harus mende- melihatnya sebagai pendapat tetapi saya fikir tidak perlu hanya menunggu, bekerja atas pendapat tapi bagaimana hasil karya kita akan mencetuskan berbagai pendapat *kerna* [kerana] pasti ada orang lain yang akan berpendapat sebaliknya. Kan? (mengangguk) *Kerna* [kerana] sekarang isu kesenian selalu dimomokkan sepertinya terlalu- masukkan di dalam kaca. Sedalam- dalam hidup kita tidak (menggeleng) kehidupan kita tidak, (bunyi getaran telefon) lelaki atau perempuan bergabung naik motor. Bukan muhrim pun sudah naik motor bersama jadi apa isu kalau kita mahu -- mencari- bilangkan lelaki perempuan sama, sebab harus dilihat kesenian itu adalah tafsiran kehidupan (mengangguk)

NFAAA : **Faham.**

SNR : **Mm-hm. Faham. (tersenyum)**

NFAAA : **Jadi, tu je lah. kami punya soalan dah habis dah. (tersenyum)**

SM : Okay, tak apa, terima kasih. Sebab saya fikir ini adalah mungkin barangkali tambahan ilmu yang mungkin kamu boleh- (bunyi getaran telefon) sebab (berfikir) pengalaman saya belajar berguru di Indonesia adalah kelebihan untuk saya melihat masalah seni budaya sebab buat saya, seni budaya itu bukan hanya untuk pertunjukan tetapi lebih kepada penghayatan. Macam sekarang kita melihat seperti kamu yang bertudung itu adalah nilai -- estetika sebagai seorang muslimah. Itu -- adalah nilai. Sama juga dengan kesenian seperti tari, masakan, macam tadi kan, (bunyi getaran telefon) kita punya -- masakan, istimewa oleh *luhur* [moyang] kita. Macam saya orang Banjar, saya ada masakan, misalkan- ada orang tidak tahu ada sayur asam. Sayur asam Banjar tetapi juga ada sayur asam (berfikir), sayur asam Sunda. Itu kan sebetulnya memiliki nilai. Nilai itu adalah citra dan citra itu sebetulnya lahir zaman *luhur* [moyang] kita dulu, daripada nenek moyang kita. (bunyi getaran telefon) Kalau kamu tengok orang tua kamu masak, dia tiada ada urusan pakai sukatan (bunyi getaran telefon) (NFAAA mengangguk) *kerna* [kerana] menurut dia tafsirannya adalah naluri, jiwa, kasih sayang. Melemparkan garam, melemparkan apa juga, *bumbu* [serbuk lada] ke dalam makanan *kerna* [kerana] di situ tafsiran cintanya terhadap masakan dan keluarga. Kita sebagai seorang seniman dalam menari, berlakon, mengukir, menjahit pakaian-pakaian tradisi ataupun menghias, menenun, mempunyai tanggungjawab yang sama dimana (NFAAA mengangguk) kita dalam melemparkan benang emas itu di dalam tenunan, mempunyai suatu tafsiran kebanggaan bahwa kita dalam membentuk itu akan melahirkan sesuatu yang betul membanggakan yang mewakili perjalanan generasi ke generasi itu me- melalui tafsiran baru ataupun mungkin yang sama. (bunyi getaran telefon)

NFAAA : **Faham. (mengangguk)**

SM : Itu -- sayalah (bunyi getaran telefon)

NFAAA : **Okay. (tersenyum) Saya dah boleh baca penutuplah.**

SM : Boleh. (tersenyum) (NFAAA tergelak kecil)

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan kedua mengenai bidang warisan seni bersama Tuan Suhaimi Magi atau Paksu. Kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang warisan seni dan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian terima kasih.

6.0

LOG TEMUBUAL

6.0 LOG TEMUBUAL

LOG	TOPIK	
0:01:33 – 0:09:46	Latar Belakang	<ul style="list-style-type: none"> • Nama tokoh Suhaimi Magi. • Berumur 63 tahun. • Lahir di Kampung Angan Angan Tenom, Sabah. • Menetap sekarang di Kota Kinabalu, Sabah. • Bekerja sebagai pensyarah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan di Universiti Malaysia Sabah. • Berketurunan Jawa Banjar. • Mengenal tarian piring pada tahun 1979. • Lebih fasih dalam bahasa Banjar tetapi memahami tentang Jawa. • Belajar pencak silat pada umur 10 tahun sehingga diajak untuk membuat persembahan. • Belajar zapin. • Berhijrah ke Kota Kinabalu di Sabah dan sudah menjadi penari ketika itu. • Mengenal tarian piring dari Sofyani Yusaf, seorang tokoh tari yang terkenal di Sumatera Barat. • Tidak mempraktikkan slogan hidup tetapi lebih melihat kepada alam seperti falsafah air yang akan mengalir ke mana saja dan cari lubang kecil untuk lolos untuk terus jalan.
0:09:50 - 0:17:12	Latar Belakang Keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • Keluarga berketurunan Jawa Banjar. • Nama bapa tokoh ialah Magi bin Harno keturunan Jawa.

		<ul style="list-style-type: none"> • Ibu berketurunan Banjar tetapi lahir di Sabah bersama nenek. • Datuk tokoh berbangsa Melayu dari Banjar. • Bapa tokoh bekerja sebagai petana sehingga akhir hayat, ibu tokoh adalah surirumah tangga. • Ada 5 orang adik beradik, 2 lelaki dan 3 perempuan. • Kurang pasti sama ada bakat yang ada datang dari keluarga atau memang berminat kepada bakat sendiri. • Dalam kalangan adik beradik, tiada sorang pun yang terlibat dalam bidang kesenian kecuali tokoh sendiri.
0:17:22 - 0:19:22	Perkahwinan	<ul style="list-style-type: none"> • Nama isteri tokoh ialah Dini Kusumaningrum, asal dari Indonesia. • Berkahwin pada tahun 2007. • Mempunyai 6 orang anak, 3 lelaki dan 3 perempuan. • 2 orang anak lelakinya lulusan ASWARA. • Seorang menjadi freelancer, agent Coway dan mempunyai group sendiri, SuperSede Crew bernama Fahezul Azri Suhaimi. • Seorang lagi bernama Shafeerul Azmi Suhaimi pernah mendapat anugerah Koreografer Muda Negara oleh Agong.
0:19:27 - 0:34:33	Umum	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak ada jawapan khas sebab memilih untuk melibatkan diri dalam tarian piring. • Mempelajari tarian piring yang pelbagai semasa di Indonesia. • Teknik-teknik tarian piring menjadi silibus di ASWARA dan sekolah seni di Johor.

		<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal kewujudan tarian piring dari upacara pemujaan pada zaman dahulu di mana piring itu membawa makanan dan dihidangkan untuk memuja roh tertentu. • Orang yang menjadi inspirasi tokoh untuk menceburi bidang ini ialah Sofyani Yusaf, arwah Nasirnadi, Sarip Ahmad Sarip Ismail, cikgu Syabun Yusuf. • Belajar tarian piring di Institut Kesenian Jakarta dari arwah Pajdi Hutan, Nor Ibnul dan Husnati Sufyan. • Orang pertama yang mengenalkan tarian piring ialah Sofyani Yusaf pada tahun 1979 di Cheras, Kuala Lumpur. • Keunikan tarian piring adalah dengan memiliki suatu kemahiran tinggi yang perlu dikuasai oleh penari kerana sebarang kesilapan kecil akan menghancurkan persembahan. Keunikannya adalah apabila piring itu tidak jatuh di lantai kerana pandai mengimbangnya. • Tidak mempunyai studio atau akademi tersendiri. • Mempunyai kumpulan sendiri. • Keluarga sangat menyokong kerja tokoh sebagai penari. • Tokoh aktif disebabkan tugasnya sekarang sebagai pensyarah yang boleh mengajar tarian dan itu merupakan latihan kepada tokoh. • Tidak boleh ada stamina yang lemah dan tidak gendut.
--	--	---

		<ul style="list-style-type: none"> Selain tarian piring, tokoh mahir dalam tarian Makyong, Terengai, Wau Bulan, Tarian Ngajat Induk, Ngajat Lesong, tari Bali, tari Sunda, tari Betawi dan tarian Jawa, Minang, Aceh Maluku.
0:34:35 - 0:40:30	Latar Belakang Tarian Piring	<ul style="list-style-type: none"> Dalam satu kumpulan, tokoh mempunyai seramai 20 orang penari. Tarian piring propnya adalah piring dan piring tidak boleh jatuh. Penari perlu pandai mengimbangi piring itu. Ciri khas yang perlu ada ialah perlu menjadi penari, kerana kalau bukan penari, dia tidak akan faham macam mana untuk mengimbangi tubuh. Elemennya dasar gerak dari pendak silat. Tarian piring dasarnya memang dari pencak silat. Seseorang akan mahir dalam tarian piring bergantung kepada penari itu bagus atau tidak. Sekiranya berbakat, 6 bulan boleh menari dengan bagus. Tarian piring sangat diterima oleh orang ramai serta pemilik budaya Minangkabau itu, tarian piring menjadi ikon dan sebagai tarian mesti di Negeri Sembilan. Fenomena yang berlaku pasal tarian piring sangat menarik pada zaman moden ini dan tokoh mengajar tarian piring secara tradisi kepada pelajarannya di ASWARA. Peranan tarian piring dalam masyarakat Minangkabau kalau mengikut sejarah, piring itu akan membawa makan dan

		<p>diletakkan di tangan sehingga ke siku dan mereka mempunyai kemahiran itu.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tarian piring menjadi simbol dan ikon kepada tari Minangkabau kerana di Negeri Sembilan mempunyai sejarah yang ketat dan padat.
0:40:33 - 0:46:50	Penglibatan	<ul style="list-style-type: none"> • Seorang pensyarah di Universiti Malaysia Sabah dan mengajar tarian. • Tokoh mempunyai jadual yang tetap kerana sebagai seorang pensyarah. • Berkarya dalam tarian piring dari tahun 1979 sehingga 2021. • Kumpulan tokoh diketuai olehnya tetapi ada juga yang berminat mahu kerja bersama saya. • Banyak melibatkan diri dalam mana-mana pesta yang dianjurkan seperti berfestival di Singapore, Thailand, Indonesia, Amerika dan Sudan. • Tokoh lebih suka membuat persembahan daripada pertandingan kerana tidak percaya kepada kemenangan. • Untuk mencari kelangsungan hidup, tokoh boleh membuat persembahan di mana sahaja tetapi beliau lebih suka berkarya di panggung seperti pementasan Istana Budaya di Kuala Lumpur kerana penontonnya datang memang untuk tengok hasil karya bukan menonton biasa-biasa sahaja. • Cara untuk mempromosikan tarian piring dengan sering mengadakan bengkel yang dianjurkan oleh JKKN atau Jabatan Kebudayaan Negeri Sembilan. Tokoh juga

		berkarya dan memasukkannya dalam Youtube di mana judul terbarunya ialah 'Atur'.
0:46:52 - 0:52:55	Pencapaian	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat peserta paling ligat dan terbaik di Cheras, Selangor dalam satu kursus tahun 1979. • Pernah dinobatkan sebagai tokoh Tari Sabah dan bersyukur walaupun bukan menjadi sasarannya kerana beliau berkesenian untuk mendapat ilmu pengalaman. • Pencapaian paling tinggi semasa menjadi penari rutin di Istana Presiden Indonesia selama 8 tahun dan menjadi penari solo di New York semasa membuat bengkel dan persembahan dengan Dr. Anis di New York dan San Fransisco. • Mendapat Anugerah Tokoh Sabah sebanyak 2 kali, anugerah dari Utusan Borneo di Sabah dengan mengiklonkan tokoh sebagai penari dan koreografer di Nusantara serta anugerah di luar Sabah. • Pernah terlibat dalam Kaba Festival pada tahun 2019 yang mewakili Malaysia. Festival itu dikendalikan oleh kumpulan bukan kerajaan iaitu NGO untuk memperjuangkan kehidupan seni persembahan di Indonesia.
0:52:58 – 1:01:21	Penari	<ul style="list-style-type: none"> • Kriteria khas yang perlu ada bagi penari ialah dia mahu belajar dan rajin belajar bukan perlu cari yang tinggi sahaja. • Ciri-ciri mesti rajin kerana mahu menjadi penari tidak semudah yang dibayangkan.

		<p>Bukan hanya menghafal. Mereka perlu ada disiplin seperti seorang atlet yang perlu fokus, keseimbangan tubuh dan latihan yang banyak.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah penari adalah tergantung, tidak mempunyai syarat sama ada dalam persembahan atau pertandingan. Jumlah penari adalah mengikut kapasiti ruang dan tidak semestinya ruang besar, penari akan ramai. Tertakhluk kepada koreografernya. • Tempoh masa latihan bagi seorang penari bersedia sebelum pertandingan atau persembahan adalah bergantung dengan disiplin masing-masing. Seperti dulu kalau di Indonesia, mengambil masa enam bulan untuk menyiapkan satu persembahan manakala di Semenanjung dalam tiga atau empat bulan. • Tiada ciri lain yang perlu bagi seseorang penari kecuali rajin.
1:01:24 – 1:04:53	Kostum	<ul style="list-style-type: none"> • Tarian piring mempunyai kostum tersendiri. • Secara tradisi, mereka menggunakan seluar sebab asas pencaknya dari pencak silat. Seluar bernama galembong. • Material kostum diperbuat dari kain cotton hitam dan ada yang berwarna merah bergantung dengan keperluan persembahan. • Kostum yang dipakai tidak ada maksud tersendiri. Mempunyai ciri khas Melayu seperti memakai sampin, tanjak atau suntieng untuk perempuan.

		<ul style="list-style-type: none"> • Kostum yang digunakan mempunyai tempat khas untuk ditempah dan ada juga yang membuat sewa. • Baju-baju itu memang digunakan secara tetap.
1:04:56 – 1:13:19	Tarian	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap gerakan tarian ada maksud tersendiri dan nama yang diberikan adalah berdasarkan alam contohnya jalan itik, kupu-kupu terbang dan sebagainya. • Setiap koreografi yang dilakukan untuk persembahan adalah tafsiran Tuan Suhaimi Magi sendiri sebagai seorang koreografer. • Pergerakan memijak timbunan kaca pecah hanyalah untuk menambah kekaguman penonton dan ia tidak menjadi keutamaan dalam tarian piring. • Piring yang sering digunakan dalam tarian piring ialah piring seramik yang sederhana yang sesuai dengan saiz tapak tangan dan melengkung. • Kos untuk membeli kostum semasa persembahan adalah bergantung samaada menggunakan duit sendiri iaitu duit hasil persembahan ataupun atas tajaan sesebuah persatuan atau institusi.
1:13:20 – 1:17:10	Muzik	<ul style="list-style-type: none"> • Lagu yang selalunya digunakan untuk tarian piring ialah melodi lagu yang menggunakan tambo dan caklempong atau lebih terperinci, caklempong pacik. • Semasa tarian piring dipersembahkan, lagu yang dimainkan boleh diambil daripada rakaman CD ataupun muzik secara langsung yang melibatkan beberapa pemain muzik.

		<ul style="list-style-type: none"> • Tarian piring kebiasaannya hanya menggunakan melodi lagu yang tidak mempunyai maksud tersirat dan tanpa ada suara penyanyi. • Melodi lagu caklempong untuk tarian piring kebiasaannya diambil daripada lagu-lagu yang sedia ada dan kadang-kadang lagu yang digunakan adalah dari bunyi alat muzik moden seperti biola atau piano.
1:17:11 – 2:56	Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> • Selain daripada mewakili daerah, negeri dan negara dalam tarian piring, bagi tokoh, melalui pengajaran dan latihan yang diberikan kepada murid-muridnya adalah sumbangan terbesar dalam hidupnya kerana beliau sebagai guru tarian dan koreografer telah memberikan ilmu serta tenaga untuk mengekalkan budaya tradisi tarian itu sendiri. • Tokoh juga ada membuka akaun YouTube untuk berkongsi pengalaman serta ilmu beliau selama melibatkan diri dalam bidang tarian piring dan beliau amat berbesar hati jika ada sesiapa yang mengambil nasihat beliau melalui video-video itu sebagai rujukan hidup atau untuk masa hadapan.
6: 09 - 15:36	Harapan	<ul style="list-style-type: none"> • Tokoh merasakan tradisi seni kebudayaan di Malaysia semestinya dikekalkan dan diperjuangkan kerana ia adalah nilai seni milik bangsa Melayu yang dibawa oleh nenek moyang zaman dahulu. Pusat persatuan juga telah lama memperjuangkan nasib seni kebudayaan di Malaysia dengan mengadakan program-program yang akan

		<p>menarik minat generasi kini untuk turut serta membela nasib seni kebudayaan di Malaysia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi tokoh, seni kebudayaan ini adalah satu lambang atau imej yang patut dibanggakan oleh generasi muda kerana ia telah dipelihara oleh masyarakat zaman dulu sehingga sekarang. Sebagai contoh, masakan yang dimasak menggunakan resepi turun menurun yang menjadi kebanggaan keluarga kita kerana resepi tersebut ialah resepi nenek moyang dan ia boleh disamakan seperti seni kebudayaan yang masyarakat kini perlu pertahankan kerana itu adalah imej serta identiti negara kita. • Tokoh merancang untuk mengadakan satu kebun seni yang menjadi tempat untuk mengekspresikan jiwanya dalam tarian piring. Kebun tersebut bukan sahaja tempat untuk bercucuk tanam tetapi dijadikan tempat untuk melatih generasi muda yang berminat untuk melibatkan diri dalam bidang seni kebudayaan serta tempat seniman-seniman yang memperjuangkan tradisi Malaysia berkumpul dan berkongsi pendapat masing-masing.
15:37 – 21:55	Cabaran/Isu	<ul style="list-style-type: none"> • Tokoh merasakan bahawa masalah akan timbul jika kita merasakan ia sebagai masalah jadi beliau terus bersikap positif memperjuangkan tarian seni kebudayaan walaupun tidak diberikan pengiktirafan atau penghargaan oleh orang ramai kerana bagi beliau, seni kebudayaan ini bukanlah tiket untuk menjadi terkenal. Cukuplah beliau

		<p>terus mengajar dan menurunkan semua ilmu yang beliau peroleh kepada generasi muda supaya ilmu itu terus berkembang.</p> <ul style="list-style-type: none">• Isu-isu yang ditimbulkan oleh masyarakat hanya kata-kata kerana kita tidak perlu kisah apa yang diperkatakan kerana ia boleh menjadi penghalang untuk diri kita sentiasa maju. Bagi tokoh, pendapat hanyalah pendapat kerana setiap benda yang kita lakukan akan sentiasa menimbulkan berbagai pendapat orang.
--	--	---

7.0

RALAT

7.0 RALAT

-TIADA-

8.0
GLOSARI

8.0 GLOSARI

ASWARA	Akronim kepada Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan yang merupakan institusi pengajian tinggi dalam bidang persembahan di Malaysia dan disokong sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia dibawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
Biola	Merupakan salah satu alat muzik yang turut dipanggil violin dan dimainkan secara gesek bersama penggesek biola.
Bumbu	Merupakan sejenis rempah lada atau perasa makanan yang ditambah kepada masakan untuk memberikan rasa yang lebih sedap dan tertentu.
Caklempong	Merupakan salah satu alat muzik tradisional Melayu dan dalam golongan gong tetapi dalam bentuk kecil.
DBKL	Akronim kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang merupakan sebuah agensi tempat di Malaysia yang mentadbir Kuala Lumpur di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan yang bertanggungjawab dalam perancangan bandar, kesihatan, sanitasi awam, pengurusan sampah, pembangunan ekonomi dan sosial serta penyelenggaraan infrastruktur bandar di kawasan ini.
Gereteh	Alat yang terdapat dalam caklempong yang menunjuk ritma bunyi caklempong itu sendiri.
Jawa Banjar	Merupakan salah satu etnik yang ada di Indonesia.
JKKK	Akronim kepada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara yang melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan, pendokumentasian dan penerbitan, bimbingan seni budaya, pembangunan produk seni budaya, pengembangan seni budaya, pengukuhan seni budaya, pembangunan produksi dan artistik dan promosi seni budaya.
Kaba Festival	Sebuah festival yang dilakukan setiap tahun di Ladang Tari Nan Jombang, Kuranji di Padang di mana festival itu merupakan satu proses untuk mencari karya-karya yang bagus yang disertai oleh orang Sumatera Barat atau Indonesia.

Koreografer	Orang yang bertanggungjawab dalam menyusun gerak tari dalam pentas seni atau koreografi dengan mengatur gerakan tarian itu mengikut ritma yang sesuai serta memastikan penari dapat memahami dan melakukan persembahan atau pertandingan dengan baik.
Koreografi	Seni yang mengatur gerakan yang akan dilakukan dalam tarian dan pertunjukan di mana penari diatur ritma dan bentuk gerakannya bersama koreografer yang dipertanggungjawabkan.
Kostum	Sejenis pakaian yang dipakai oleh seseorang untuk waktu tertentu.
Minangkabau	Merupakan salah satu suku yang wujud di Sumatera Barat yang memiliki pelbagai adat istiadat yang mempunyai unsur agama.
NGO	Akronim kepada Non-Governmental Organization yang merupakan sebuah kumpulan bukan keuntungan yang berfungsi secara bebas daripada mana-mana kerajaan dan kadang-kadang dipanggil sebagai sivil oleh masyarakat yang disusun di peringkat komuniti, nasional dan antarabangsa untuk memenuhi matlamat sosial atau politik seperti tujuan kemanusiaan atau persekitaran.
Pak Pen	Seorang tokoh yang mahir dalam tarian piring dan tarian randai yang berasal dari Kampung Ulu Beranang di Negeri Sembilan.
Pencak silat	Suatu seni pertahankan diri tradisional atau dikenali sebagai silat yang berasal dari Indonesia dan meluas di Malaysia, Brunei, Singapura, Filipina Selatan dan Thailand Selatan di mana pencak silat ini memerlukan banyak fokus dan mempunyai pengaruh yang kuat dari segi agama dan sukunya.
Seramik	Merupakan bentuk tanah liat yang bukan dari bahan logam.
Sofyani Yusaf	Seorang tokoh seniman di Indonesia dari Sumatera Barat.
Suhaimi Magi	Seorang penari dan koreografer di Malaysia yang lebih dikenali sebagai Pak Su yang merupakan anak kelahiran Kampung Angan Angan di Tenom, Sabah dan mula berjinak dengan tarian semasa tujuh tahun lagi.
Sumazau	Merupakan etnik Kadazandusun di Sabah.

Supersede Crew	Sebuah kumpulan tarian di Malaysia yang diketuai Fahezul Azri Suhaimi iaitu anak kepada Suhaimi Magi iaitu tokoh tari tradisional di Malaysia.
Tambo	Merupakan salah satu alat muzik tradisional.
Tarian indang	Merupakan salah satu tarian tradisional yang berasal dari Sumatera Barat.
Tarian inang	Merupakan satu tarian versi moden dari tarian tradisional yang bernama Tarian Mak Inang di mana ianya wujud pada zaman Kesultana Melayu Melaka.
Tarian massal	Merupakan tarian yang disertai oleh banyak penari dan tempatnya perlu luas.
Tarian piring	Merupakan salah satu seni tari di Minangkabau yang berasal dari Sumatera Barat di kota Solok yang ditarikan dengan menggunakan piring sebagai prop utama dan diayun dengan gerakan yang sesuai tanpa terlepas dari genggam tangan.
Tarian randai	Salah satu tarian tradisional yang berasal dari Minangkabau, Sumatera Barat yang berkonsepkan gerak tari silat diselangi nyanyian yang berunsurkan lagu rakyat dan diiringi alunan muzik caklempong, rebana, salung dan gong di mana ianya sering dipersembahkan semasa perkahwinan, pesta menuai padi dan adat istiadat lain.
Tarian zapin	Merupakan salah satu tarian tradisional warisan negeri Johor yang dipersembahkan oleh masyarakat Melayu dan mempunyai lebih kurang 20 jenis tarian zapin.
Tengkolok	Merupakan salah satu pakaian tradisional yang dipakai di kepala atau lebih dikenali sebagai setanjak yang dipakai sewaktu membuat tarian tradisional seperti tarian zapin, tarian piring dan lain lagi. Tengkolok juga dipakai semasa ada majlis tertentu.
UMS	Akronim kepada Universiti Malaysia Sabah yang merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia yang terletak di Sabah.

9.0

INDEKS

9.0 INDEKS

A

air	12, 49
akademi	18, 19, 51
aktif	10, 19, 51
Amerika	26, 28, 53
anugerah	6, 27, 28, 50, 54
Anugerah Koreografer Muda Negara	14
Asli	40
ASWARA	14, 15, 16, 18, 19, 23, 35, 41, 42, 50, 52, 61
Atur	26

B

bahan	8, 32, 41, 62
baju	33
bakat	13
Banjar	10, 12, 13, 47, 49, 50
belajar	10, 11, 15, 17, 18, 19, 20, 29, 34, 38, 42, 43, 44, 47, 54
bengkel	26, 27, 53, 54
berkarya	24, 26, 45, 53, 54
bidang	6, 9, 14, 19, 27, 38, 39, 40, 44, 45, 48, 50, 51, 57, 58, 61
budaya	5, 6, 10, 11, 17, 19, 22, 24, 29, 30, 33, 34, 38, 42, 44, 47, 52, 57, 61, 69, 70, 71, 72
buruh kasar	12

C

